AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

فليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 44 | RABU 29 OKTOBER, 1986. | رابو 24 صفر 1407 | PERCUMA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Roger Westbrook, Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini sejurus selepas menyembahkan watikah perlantikan (atas kiri) dan Duta Besar Filipina ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Benjamin Domingo. — Gambar oleh Harun Rashid.

## P'jaya Tinggi British yang baru serah watikah perlantikan

**Oleh Bolhassan HAB**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima watikah perlantikan Tuan Yang Terutama Tuan Roger Westbrook selaku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam yang baru pada petang Isnin, 27 Oktober lepas.

Istiadat itu berlangsung di Istana Nurul Iman di sini dan Tuan Yang Terutama Tuan Roger Westbrook diiringi oleh Timbalannya, R.M. Harris.

Sebelum menyembahkan watikah perlantikan itu ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Tuan Yang Terutama Tuan Roger Westbrook telah menerima Tabik Hormat dari anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di pekarangan Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam yang baru itu.

Tuan Yang Terutama Tuan Roger Westbrook berusia 45 tahun, berpendidikan dari Kolej Dulwich dan Kolej Herford, Oxford England.

Mula berkhidmat dengan Pejabat Hal-Ehwal Luar Negeri pada tahun 1964. Tuan Yang Terutama bertugas sebagai Penolong Setiausaha Peribadi kepada Cancelor Duchy of Lancaster dan Menteri Negara di Pejabat Luar Negeri dari tahun 1965 hingga 1967.

Lihat muka 20

## Brunei Darussalam sokong ketetapan ASEAN

# Vietnam harus undurkan tenteranya dari Kampuchea

EW YORK. — Wakil Tetap Brunei Darussalam ke ...a-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Awang ...ad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja ... Laila Utama Awang Hj. Md. Yusof di sini ...ekankan agar Vietnam perlu runding segera ... serius pengunduran tenteranya dari Kam...chea.

"...dudukan tentera Vietnam di Kampuchea telah melum... ekonominya dan menambahkan bebanan penderitaan ...emiskinan rakyat," katanya dalam menyokong ketetapan ...AN yang menyeru bagi pemulihan semula kemerdekaan, ...latan dan keutuhan wilayah Kampuchea. ASEAN meng... ketetapan ini.

...an Yang Terutama berucap demikian dalam Perhim... Agung Bangsa-Bangsa Bersatu kali ke-41 pada 20 ...ber lepas. Perhimpunan Agung mendapat majoriti besar ... ketetapan itu. Sebanyak 115 undi menyokong, 21 undi ...ntang dan 13 berkecuali.

...tanya, kehadiran berterusan tentera Vietnam di Kam...chea adalah punca ketegangan Asia Tenggara serta bertam...amainya orang-orang perlarian.

**Oleh Mohd Salleh Abdul Latif**

Tindakan Vietnam membahayakan ketenteraman dan keamanan Asia Tenggara seterusnya mengancam keselamatan dan keamanan antarabangsa, kata Tuan Yang Terutama.

Tuan Yang Terutama berkeyakinan, keamanan dan keselamatan Asia Tenggara cuma dapat dikekalkan jika semua negara kawasan ini menghormati lunas-lunas hubungan antarabangsa yang mementingkan kerjasama sesama negara serta tidak mencampuri hal-ehwal negara lain.

Masalah Kampuchea bukan konflik antara ASEAN dengan Vietnam, katanya, apa yang diusahakan oleh ASEAN ialah menyediakan beberapa pendekatan berguna bagi Vietnam diajak berunding dan seterusnya membolehkan rakyat Kampuchea menyelesaikan masalah mereka.

Tahun ini saja, Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea telah memperkenalkan lapan cadangan yang mendapat sokongan majoriti antarabangsa. Antaranya, mengadakan perundingan antara Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dengan Vietnam berhubung dengan proses pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea.

Pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea adalah langkah utama yang lojik sebelum sebarang penyelesaian diambil, menurut cadangan itu. Gencatan senjata yang di bawah pengawasan secara langsung Bangsa-Bangsa Bersatu mestilah dipersetujui bersama bagi menjamin pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea berjalan lancar.

Cadangan itu menampakkan sikap Kerajaan Campuran Demokratik Kam-

Lihat muka 20

## PETIKAN TITAH

**"Adalah menjadi hasrat Kerajaan Beta sejak beberapa tahun yang lalu dan ...sya-Allah, akan terus menjadi matlamat Ker...jaan Beta supaya Negara Brunei Darussalam ...ini tidak akan banyak bergantung kepada tena...ga mahir dan separuh mahir dari luar ...negeri."**

*...titahkan semasa Majlis Kesyukuran yang disembahkan oleh ...kesatuan Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom pada ... September, 1983 sempena Hari Keputeraan Baginda kali ke-37 tahun*

## MANISNYA IMAN

**"MEREKA beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh segala perkara yang baik, dan melarang dari yang mungkar (buruk dan keji), dan mereka bersegera pula pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka itu adalah dari orang-orang yang salih. — Tafsir ayat 114 Surah Ali 'Imran.**

## Lantikan Setiausaha Tetap

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya Dato Paduka Ustaz Haji Abd. Saman bin Kahar dilantik menjadi Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama mulai 22 Oktober 1986.**

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

29 OKTOBER, 1986

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang*

## ETIKA KERJA DALAM PENCAPAIAN RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA

HASRAT Kemajuan Negara Kelima ialah menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesempurnaan hidup seluruh rakyat dan penduduk negara kita. Di samping memperkukuhkan kemajuan ekonomi dan sosial negara. Ke arah ini, kita semua terutama pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia perlu menerapkan serta mengamalkan etika kerja yang cemerlang.

Etika kerja kita antaranya, meningkatkan daya usaha dan sumbangan bakti. Kesempurnaan suatu kerja selalunya berasaskan kepada kemampuan serta daya fikir yang maksima ditimbal pula dengan kerelaan kita untuk terus-menerus menyumbangkan bakti semata-mata untuk kepentingan bersama. Peningkatan daya usaha kita dalam setiap bidang adalah suatu amanat serta tuntutan. Ia tidak terkecuali sama ada mereka yang berkhidmat dengan sektor Kerajaan ataupun sektor swasta. Bagi yang menjalankan perusahaan sendiri misalnya berdagang dan lain-lain, peningkatan usaha sering menghasilkan pengeluaran yang banyak. Ini sungguh menguntungkan dari segi pendapatan.

Kemudian sebaik mana pun sebarang usaha itu direncanakan, ia tidak akan berkesan kalau ditanai secara sambil lewa saja. Setiap usaha, baik secara perseorangan mahupun berkumpulan, hanya dapat dinikmati manfaatnya jika dilakukan dengan penuh azam dan tekad. Jadi, berkhidmat dengan penuh azam dan tekad juga terkandung dalam etika kerja kita.

Perkhidmatan yang baik, usaha yang sempurna dapat diperolehi melalui etika kerja yang berunsurkan sikap kerjasama dan saling hubung menghubungi di antara satu dengan yang lain. Kehidupan bermasyarakat dan bernegara yang selama ini kita nikmati dengan penuh sejahtera berpunca dari sikap kerjasama semua pihak dalam mengekalkan sosio-politik-ekonomi kita yang mantap.

Sikap kerjasama ini lahir dari permuzakarahan. Permuzakarahan amat penting untuk kita masukkan dalam etika kerja kita. Pemikiran-pemikiran yang diberikan dalam permuzakarahan adalah hasil dari sikap bertolak-ansur, menghargai pendapat, hormat menghormati dan sentiasa mengutamakan kepentingan bersama dari kepentingan peribadi.

Lagipun, konsep permuzakarahan sudah sebati dalam kehidupan kita sebagai bangsa yang beradap, beradat dan sentiasa taat kepada raja. Masyarakat antarabangsa mengkagumi cara kehidupan kita. Meskipun negara kita kecil tapi kita berbangga. Megah kerana dapat mengekalkan keamanan dan ketenteraman. Kemakmuran dan keamanan negara telah memungkinkan kita melaksanakan ratusan projek yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Negara Kelima yang berjumlah $3,700 juta.

Jadi, etika kerja kita selanjutnya menuntut agar mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah. Di samping itu, setiap kita mestilah mengelakkan penyelewengan tugas dan kuasa.

Sejarah dunia telah banyak merakamkan kejatuhan beberapa buah negara kerana pentadbiran yang timpang, pemimpin yang tamak dan rasuah. Hasilnya, semua rancangan terhenti. Rakyat tambah menderita, dan kehidupan bernegara punah.

Insya-Allah, jika kita terus amalkan etika-etika kerja yang dijelaskan tadi, negara kita akan bertambah-tambah makmur, bertambah bahagia dan tenteram. Kita berkeyakinan setiap rakyat dan penduduk negara tetap mampu menerapkan nilai etika kerja ini kerana sudah terbukti kita adalah bangsa yang cintakan keamanan, ketenteraman dan kebahagiaan.

## Kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien

# Kehilangan yang tidak dapat dicari ganti

***BERIKUT** ialah titah penuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disiarkan secara langsung dari Istana Nurul Iman melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 20 Oktober, 1986.*



**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, seru sekalian Alam, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta kerabat dan para sahabat Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Rakyat Beta yang dikasihi

Kita di seluruh Negara Brunei Darussalam baharu sahaja mengalami detik-detik yang amat sedih kerana kemangkatan Paduka Ayahanda Beta yang dikasihi, Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Ibni Almarhum Sultan Muhammad Jamalul 'Alam.

Sungguhpun tempoh perkabungan negara selama 40 hari telah berakhir, akan tetapi sebagai seorang anak terhadap ayah yang dikasihi, perasaan sedih dan dukacita masih Beta rasakan, dan akan sentiasa dirasai, yakni tidak terhad tempoh masanya. Kerana kemangkatan Almarhum adalah merupakan satu kehilangan yang teramat besar yang tidak dapat dicari ganti dan membawakan satu kesedihan yang amat sangat kepada diri Beta dan keluarga Beta. Lebih-lebih lagi Almarhum bukan saja seorang ayah yang sentiasa mencurahkan kasih sayang yang penuh mesra kepada anak-anak, Almarhum juga adalah seorang pembimbing yang sentiasa memberikan bimbingan tunjuk-ajar dan kata nasihat yang tidak putus-putus kepada Beta sehingga akhir hayat Baginda.

### Kebajikan rakyat

Beta juga dapat merasakan perasaan bersama sedih yang menyelubungi kesemua lapisan rakyat dan masyarakat di seluruh Negara Brunei Darussalam di atas kemangkatan Almarhum Paduka Ayahanda Beta yang dikasihi, kerana jasa-jasa Almarhum kepada rakyat dan negara. Sebagai Sultan yang ke-28 bagi Negara Brunei Darussalam, Almarhum adalah seorang Raja yang pemurah lagi disayangi oleh segenap lapisan rakyat. Baginda sentiasa mengambil berat tentang kebajikan rakyat. Sejak awal-awal lagi Almarhum menaiki Takhta Kerajaan, Baginda telah banyak menabur jasa bakti dan menumpukan sepenuh masa dan tenaga Baginda pada mengasaskan infrastruktur pentadbiran, pembangunan, kebajikan, keselamatan dan kemakmuran negara, dan Baginda juga telah berjaya mengenalkan Negara Brunei Darussalam kepada dunia luar. Adalah wajar dan kena pada tempatnya Baginda telah diakui sebagai "Arkitek Brunei Moden."

Antara lain sumbangan besar Almarhum yang nyata kepada negara ialah di dalam memperkembangkan Ugama dan Syi'ar Islam. Almarhum telah menempatkan kedudukan Ugama Islam di tahap yang paling utama di dalam pentadbiran negara, yang mana dalam Perlembagaan bertulis Negara Brunei Darussalam tahun 1956, telah termaktub Ugama Islam sebagai Ugama Rasmi Negara. Almarhum juga telah menjadikan hasrat Baginda untuk memperkembangkan Syi'ar Ugama Islam dengan seluas-luasnya di Negara Brunei Darussalam dan membolehkan Ugama Islam dan lunas-lunas Islam dihayati di dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Menuju ke arah ini, Almarhum pernah bertitah di dalam Majlis Perasmian Pembukaan Majlis Syariah, antara lain berbunyi:—

"Majlis Syariah ini bertujuan ialah mengembangkan dasar-dasar dan ajaran-ajaran Islam bagi memajukan dan mempertahankan kedaulatan Ugama Islam yang suci ini. Dengan maksud-maksud yang tersemat di sanubari kita semua, insya-Allah, Ugama Islam akan bertambah-tambah maju, luas dan lebar."

Almarhum, dengan kebijaksanaan dan ke'arifan Baginda telah membentuk asas pentadbiran yang kukuh dan mantap apabila Baginda memasyhurkan Perlembagaan bertulis Negara Brunei Darussalam pada tahun 1959. Perlembagaan bertulis yang diperjuangkan oleh Almarhum semata-mata untuk kepentingan rakyat dan negara adalah merupakan satu-satunya anugerah bakti Almarhum kepada rakyat dan Negara Brunei Darussalam yang tidak ternilai harganya. Perlembagaan itu adalah merupakan sebagai pembuka tirai era baru bagi Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya. Hasrat dan niat suci Almarhum terhadap negara dan rakyat ini adalah terbukti seperti yang dimadahkan oleh Almarhum di dalam Sya'ir Perlembagaan Baginda yang berbunyi:—

*"Banyak lagi saudara dan handai*
*datang menjemput rombongan sampai*
*di negeri London bandar yang permai*
*merundingkan Perlembagaan untuk mengusai*

*Untuk mengusai negara dan rakyat*
*mudahan mendatangkan fikiran mufakat*
*mudahan terhindar derita melarat*
*dengan izin Tuhan yang maha berkudrat."*

Dengan wujudnya Perlembagaan itu, maka Negara Brunei Darussalam bergerak maju setapak demi setapak dengan berlunaskan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Perlembagaan tersebut. Dari sebuah Kerajaan yang berpemerintahan sendiri dalam negeri, Negara Brunei Darussalam telah maju sehingga menjadi sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat pada 1 Januari 1984.

Kemerdekaan yang telah dicapai itu adalah hasil daripada perjuangan yang cekal dan sifat bijaksana Almarhum yang sangat cintakan kepada kemerdekaan dan kedaulatan sejati negara dan rakyat. Almarhum telah bertahan dengan wajanya menolak tekanan-tekanan supaya Almarhum membawa Negara Brunei ke suatu haluan, akan tetapi, dan dengan pandangan jauh dan kebijaksanaan Baginda, Almarhum telah bertawakal memilih jalan sendiri untuk mengekalkan kedaulatan dan keagungan negara dan bangsa Brunei sebagai negara dan bangsa yang berdiri di atas lunas-lunas sendiri semata-mata untuk kepentingan rakyat dan Negara Brunei Darussalam.

Oleh kerana Baginda memahami akan hakikat bahasa dan budaya sebagai nilai yang mencerminkan bangsa, Almarhum dengan gigih dan tanpa sebarang kewahaman telah mempertahankan identiti dan ciri-ciri budaya Melayu Brunei. Almarhum telah menempatkan bahasa Melayu di tingkat yang tinggi di dalam pentabdiran negara dengan memaktubkannya di dalam Perlembagaan sebagai Bahasa Rasmi Negara, dan menguatkuasakan bagi semua undang-undang juga ditulis dalam bahasa Melayu. Seterusnya untuk mengekalkan sebagai sebuah negara yang terkenal dengan adat istiadat yang gilang gemilang yang diwarisi sejak zaman-berzaman, Almarhum adalah bertanggungjawab di dalam membisaikan dan mempermodenkan adat istiadat Negara Brunei Darussalam.

Di bidang penulisan, Almarhum adalah merupakan seorang sasterawan negara yang terkemuka dan terkenal dengan ketajaman mata pena Baginda. Almarhum telah menghasilkan beberapa karya penulisan di dalam bentuk sya'ir yang penuh dengan kata-kata nasihat dan contoh teladan.

Kemajuan dalam bidang pelajaran yang kita nikmati selama ini adalah hasil usaha gigih Almarhum yang menitik-beratkan sistem pendidikan dalam pelajaran bagi Negara Brunei Darussalam. Sebagai seorang yang berpengalaman luas dan berpandangan jauh, Almarhum telah dapat meninjau kecerahan dan kemajuan masa depan Negara Brunei Darussalam yang bergantung kepada pendidikan dan pembelajaran yang sempurna bagi anak-anak tempatan. Hasrat Almarhum yang menitik-beratkan bidang pelajaran dan pendidikan itu, telah Baginda gambarkan dalam Sya'ir Asli Rajang Hari seperti berikut :—

*"Bunga noormala cempaka melati*
*disunting oleh dang manda tawati*
*ilmu pengetahuan pelita hati*
*mata pelajaran tiada leti*

*Mata pelajaran suli berakar*
*ilmu pengetahuan sentiasa mekar*
*di bandar, di desa, di hutan belukar*
*siapa berilmu jarangkan sukar*
*Tuntutlah ilmu jauh dan dekat*
*ilmu kebajikan laila diikat*
*ke dalam dada biar dilekat*
*supaya pendapat tiada singkat."*

Di dalam pemerintahan bijaksana Baginda, sekolah-sekolah rendah dan menengah telah dibina dan dibuka di seluruh negara. Almarhum adalah Sultan Negara Brunei Darussalam yang mula-mula sekali menubuhkan sekolah Inggeris Kerajaan pada tahun 1951. Penubuhan ini adalah hasil daripada dorongan kesedaran Almarhum pada hakikat betapa pentingnya bahasa Inggeris diajarkan kepada anak-anak tempatan dalam usaha untuk menimba ilmu pengetahuan dan pembangunan masa depan Negara Brunei Darussalam. Sementara itu, di dalam usaha untuk melatih dan mendidik anak-anak tempatan supaya berkemahiran dan berpengalaman, Almarhum telah menghantar anak-anak tempatan untuk belajar dan berlatih keluar

Lihat muka 3

Dari muka 2

negeri. Hasil daripada kebijaksanaan Baginda, ramai anak-anak tempatan yang berkelulusan tinggi telah mengisikan jawatan-jawatan yang penting di dalam jentera pentadbiran negara kita sekarang ini.

Tidak kurang sama pentingnya dan sejajar dengan hasrat Almarhum untuk mengembangkan Syi'ar Islam di negara ini, Almarhum telah mengadakan pengajian Ugama di sekolah-sekolah dan mendirikan masjid-masjid, surau-surau dan tempat-tempat beribadat di seluruh pelosok negara ini, dan menghantar keluar negeri penuntut-penuntut Ugama yang berkebolehan untuk melanjutkan pelajaran mereka di pusat pengajian Islam yang tertinggi lagi termasyhur.

### Infarastruktur pembangunan

Almarhum juga bertanggungjawab di dalam menyediakan infrastruktur pembangunan dan kemajuan negara. Sebagai seorang Sultan yang sangat mengambil berat tentang hal-ehwal rakyat dan negara, Baginda telah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan maju serta penduduk di dalamnya sentiasa di dalam kesejahteraan. Bagi mencapai matlamat ini, Almarhum telah mempelajari dan meninjau pengalaman negara-negara yang telah maju secara lebih dekat lagi dengan melawat negara-negara tersebut dan mengambil contoh-contoh yang baik lagi sesuai untuk menjadi panduan dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai seorang Sultan yang kasihkan dan sentiasa mengambil berat tentang hal-ehwal rakyat, Almarhum telah memberikan perhatian sepenuhnya terhadap kebajikan rakyat termasuk mereka yang kurang bernasib baik. Di zaman pemerintahan Almarhum, Kerajaan telah melancarkan berbagai-bagai rancangan yang berkebajikan seperti memberikan elaun bulanan kepada orang-orang tua yang mana juga dikenali sebagai "Pencen Tua", elaun kepada pesakit-pesakit T.B., kepada orang-orang cacat dan pesakit jiwa dan memberikan bantuan kebajikan kepada balu-balu dan anak-anak yatim di negara ini.

Baginda juga mengambil perhatian yang sama serta terhadap kemajuan di luar bandar dan di pedalaman. Kerajaan Almarhum telah melancarkan banyak projek-projek pembangunan luar bandar dan pedalaman seperti membina jalan-jalan kecil dan membekalkan api letrik dan air ke kampung-kampung di luar bandar dan di pedalaman. Kesemua ini adalah menunjukkan sifat saksama Almarhum yang mahukan kemakmuran negara supaya dapat dikecap dan dirasai bersama oleh segenap peringkat lapisan rakyat negara ini.

Keselamatan negara dan rakyat adalah satu bidang yang diberikan keutamaan oleh Almarhum Paduka Ayahanda Beta. Baginda yakin kemajuan dan kemakmuran rakyat tidak akan diperolehi tanpa jaminan keamanan dan keselamatan negara dan rakyat. Almarhum juga menyedari betapa pentingnya supaya dipertahankan kedaulatan dan maruah bangsa, negara dan ugama dari dicerobohi oleh sebarang ancaman musuh dan petualang negara. Pentingnya keselamatan di dalam kemajuan dan kemakmuran rakyat pernah dititahkan oleh Almarhum Paduka Ayahanda Beta semasa Upacara Perletakan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, dalam tahun 1965, yang antara lainnya berbunyi:—

*"Bahawa berapa suci pun cita-cita kita, berapa besar pun rancangan kita, berapa tinggi pun cadangan kita perkara itu tidak akan dapat dicapai faedahnya dengan ketiadaan keamanan, ketenteraman dan keselamatan kita kawal bersama dengan hati yang jujur, tulus ikhlas semata-mata untuk kebajikan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala."*

## Ke arah pembangunan, kemakmuran dan kestabilan negara

# Jentera pentadbiran disusun semula dan dihalusi — titah

***HANYA dengan adanya sistem pentadbiran yang cekap, berkesan, bersih lagi dinamik, Negara Brunei Darussalam akan terus menuju ke arah kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan.***

Sebenarnya hasrat Almarhum mengenai keselamatan negara telah pun terbukti lebih awal lagi, yang mana dalam tahun 1960, Almarhum telah mengasaskan bagi penubuhan Askar Melayu Brunei, yang kemudiannya dinamakan Askar Melayu Diraja Brunei, dan sekarang ini dikenali sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tidak syak lagi, Paduka Ayahanda Beta, Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan yang ke-28 bagi Negara Brunei Darussalam, akan mengambil tempat yang teragung dalam sejarah negara kita oleh kerana jasa-jasa Almarhum begitu besar sekali dalam pembangunan negara. Di samping sebagai seorang negarawan yang terulung dan yang banyak menabur jasa bakti, Almarhum juga merupakan seorang nasionalis dan sasterawan yang unggul. Nama dan jasa-jasa Almarhum akan dicatat dengan tinta emas di dalam sejarah Negara Brunei Darussalam, dan akan menjadi kemegahan dan ristaan zaman-berzaman.

Marilah kita sama-sama berdoa dan membaca Al-Fatihah semoga Allah Subhanahu Wata'ala mencucuri rahmat-Nya ke atas roh Almarhum dan menempatkannya bersama-sama dengan orang-orang yang abrar, amin ya rabbul 'alamin. (Al-Fatihah).

Rakyat Beta yang dikasihi,

Adalah menjadi hasrat Beta dan Kerajaan Beta untuk meneruskan segala usaha yang bermanfaat dan berkebajikan serta dasar-dasar yang telah digariskan oleh Almarhum Paduka Ayahanda Beta.

Dalam menuju ke arah pembangunan, kemakmuran dan kestabilan Negara Brunei Darussalam dan segenap lapisan rakyat dan masyarakat di dalamnya, adalah menjadi teras dan azam Kerajaan Beta untuk mengambil perhatian yang teliti terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat pada setiap masa. Kerajaan Beta akan berterusan membuat pengkajian dan penelitian yang terperinci terhadap usaha-usaha yang telah dilaksanakan, yang sedang dilaksanakan mahupun yang akan dirancangkan. Segala usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Beta adalah diselaraskan dan disiapkan mengikut tahap pencapaian dan keperluan yang tertentu dan juga mengikut keadaan dan suasana sekitar.

### Keberkesanan

Penelitian terhadap rancangan kemajuan dan pembangunan negara sahaja, tidak akan dapat menghasilkan sepenuhnya pembangunan dan kemajuan negara yang dihajati tanpa disusun semula dan dihalusi jentera pentadbiran negara dari semasa ke semasa. Penyusunan semula yang dimaksudkan itu tidak melibatkan sebarang perubahan ke atas dasar-dasar negara yang ada sekarang. Malah penyusunan semula itu adalah bertujuan untuk mengemaskinikan dan menambah keberkesanan perlaksanaan dasar-dasar tersebut.

Hanya dengan adanya satu sistem pentadbiran yang cekap, berkesan, bersih lagi dinamik, Negara Brunei Darussalam akan terus menuju ke arah kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan. Ini adalah sejajar dengan apa yang telah pernah Beta nyatakan bahawa penyusunan pentadbiran negara ini akan diperbaiki dan dihalusi lagi berpandukan pengalaman-pengalaman yang jujur dan amanah diperolehi dari semasa ke semasa.

Untuk melicinkan lagi jentera pentadbiran yang ada sekarang, Beta sukacita mengisytiharkan penyusunan semula Menteri-Menteri Kabinet seperti berikut:—

Beta sendiri selaku PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN.

Paduka Adinda Beta, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, selaku MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI.

Paduka Adinda Beta, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, selaku MENTERI KEWANGAN.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, selaku PENASIHAT KHAS KEPADA BETA DI JABATAN PERDANA MENTERI merangkap MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI. Jawatan PENASIHAT KHAS adalah bertaraf MENTERI.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, selaku MENTERI PERHUBUNGAN.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, selaku MENTERI UNDANG-UNDANG.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, selaku MENTERI PELAJARAN.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, selaku MENTERI HAL EHWAL UGAMA.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit, selaku MENTERI PEMBANGUNAN.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein, selaku MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Haji Noordin, selaku MENTERI KESIHATAN.

Beta juga sukacita melantik beberapa orang Timbalan Menteri seperti berikut:—

Lihat muka 7

## SUSUNAN JABATAN-JABATAN DI BAWAH KEMENTERIAN

**JABATAN PERDANA MENTERI**

Mengendalikan:—

Polis
Adat Istiadat
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Audit
Majlis-Majlis Mesyuarat
Perjawatan
Pusat Tahanan
Biro Mencegah Rasuah
Unit Petroleum
Penyiaran dan Penerangan (Dahulu dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Mengendalikan:—

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Pasukan Simpanan Gurkha

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

Mengendalikan:—

Hal Ehwal Luar Negeri

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

Mengendalikan:—

Perbendaharaan (Treasury)
Agensi Pelaburan Brunei (BIA)
Kastam
Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara
Lembaga Kemajuan Ekonomi
Unit Perancang Ekonomi

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Mengendalikan:—

Daerah-Daerah
Imigresen
Buruh
Penjara
Bandaran
Keselamatan Kerajaan
Kemajuan Kerjasama
Bomba
Sukatan dan Timbangan

**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Mengendalikan:—

Pos
Penerbangan Awam
Laut
Telekom
Pelabuhan
Pengangkutan Darat

**KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG**

Mengendalikan:—

Undang-Undang
Kehakiman
Percetakan

**KEMENTERIAN PELAJARAN**

Mengendalikan:—

Pelajaran

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Mengendalikan:—

Hal Ehwal Ugama

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Mengendalikan:—

Pertanian
Perikanan
Perhutanan
Kerja Raya
Elektrik
Perancang Bandar dan Desa
Ukur
Kemajuan Perumahan
Tanah

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Mengendalikan:—

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kebajikan, Belia dan Sukan
Muzium-Muzium
Pusat Sejarah

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

Mengendalikan:—

Perubatan dan Kesihatan

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-352

# MENJAUHI LARANGAN ALLAH

**Bahagian Terakhir**



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

SEGALA maksiat dan dosa yang saya sebutkan dalam siri-siri yang lalu dan mengabai-abaikan perintah Allah adalah wajib dan mesti di atas orang yang tahu perkara itu berlaku supaya menegah dan menahan perkara itu dari berlaku dan memberhentikan dari dilakukan, sama ada pemerintah, sama ada guru, ketua, ibu atau bapa, saudara atau kerabat, kawan rakan dan lawan, jikalau tiada maka semuanya bertanggungjawab dan menanggung bala petaka yang akan menimpa ke atas mereka sebagaimana kita dengar dan kita lihat bala dan malapetaka dalam negeri-negeri serta dunia.

Sayidatina Zainab Ummul Mu'minin bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Adakah kita boleh binasa padahal ada orang-orang salih pada kalangan kita? Sabda Rasulullah: (ertinya) Ya! Orang Islam akan ditimpa bala petaka sekalipun ada orang-orang yang salih yang taat setia kepada Allah pada kalangan mereka, apabila banyak sangat kejahatan dilakukan oleh orang-orang Islam dan tiada siapa menegurnya.

### ANGKARA

Sekarang didapati orang tiada sembahyang, tiada berzakat, tiada puasa, riba, arak, zina, tiada bertudung, tiada bersongkok, tiada menjaga adab-adab ugama, khianat, curang dalam jawatan dalam kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan dan dijawat, aniaya, zalim, rasuah dalam kerja dan jawatan, bohong, malas, mengganas harta benda orang, campur gaul dengan perempuan, kebudayaan campur gaul antara halal dan haram; arak dan perempuan dan nyanyi-nyanyi, membiarkan derhaka dan maksiat dan larangan berlaku dengan tiada diambil tindakan dan teguran, mengikut segala fikiran dan pendapat yang diketengahkan oleh manusia dalam buku-buku, akhbar-akhbar dan radio dengan tiada ditimbang menurut segi ugama dan akidah Islam, maka segala angkara ini hendaklah dicegah, kiranya dicuaikan oleh orang yang tahu dan nampak di matanya, dia berdosa dan menjadi orang fasik kerana redakan maksiat berlaku dan ia akan kena bala petaka sebagaimana dalam hadis-hadis tadi.

1. Firman Allah Taala di dalam surah Maryam ayat 59 tafsirnya: Apabila Nabi-Nabi Allah telah pergi, dan kumpulan-kumpulan dan pengikut-pengikut Nabi-Nabi Allah itu telah mati, dan zaman orang-orang salih yang menjalankan ugama Allah dan orang-orang yang menganut syariat Allah telah berakhir, maka datang suatu kumpulan dan orang-orang yang tiada kenalkan ugama Allah dan syariat Allah, maka mereka meninggalkan ajaran Allah dan mereka mencuai dan meninggalkan sembahyang dan mereka mengikut segala hawa nafsu dan kemahuan mereka, maka orang yang semacam itu akan mengalami kerugian dan kejahatan dan api neraka.

2. Firman Allah Taala di dalam surah Ar-Ruum ayat 110, tafsirnya: Adalah kesudahan orang-orang yang melakukan kejahatan dan mengikut hawa nafsu dan kemahuan mereka, maka mereka akan mendustakan ayat-ayat Allah iaitu Quran dan mereka mempersenda-sendakan Quran dan ajaran Quran dan terus keluar dari Ugama Islam dan menjadi orang-orang kafir dan orang-orang murtad. Wal'iazubillah.

Rupa-rupanya orang yang hidup selepas dan setelah datang nabi-nabi Allah, dan setelah pergi orang-orang salih dan kumpulan berdakwah dan orang-orang yang taat pada ugama Allah telah mati, dan tinggal orang-orang yang tiada berdakwah dan tiada menjalankan ajaran Allah Taala, kemudian terus mereka mengikut hawa nafsu dan ikut kemahuan diri mereka, maka mula-mula mereka tiada sembahyang atau melengahlengahkan sembahyang bagaimana yang tersebut dalam ayat Quran dalam surah Maryam di atas tadi.

### ASYIK DENGAN HAWA NAFSU

Kemudian orang-orang itu berlarutan dalam kejahatan dan maksiat dan asyik dengan hawa nafsu dan ikut kemahuan hidup yang ada di hadapan mereka, lalu mereka mendustakan ajaran Islam dan mendustakan Quran yang diturunkan ke atas nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Dan akibat orang-orang yang mendustakan Quran dan mempersendakan ajaran Quran dan hukum Islam dan Undang-undang Islam, maka mereka akan menjadi orang kafir dan keluar dari ugama Islam dan bukan mereka orang Islam sebagaimana maksud ayat Quran surah Ar-Ruum di atas.

Ini dia amaran Allah Taala dalam Quran terharap orang yang jahil dan tiada tahu menahu akan pelajaran Islam dan ugama Islam. Mula-mula mereka meninggalkan sembahyang, kemudian mereka mengikut kemahuan hidup yang ada pada mereka, kemudian mereka lama-kelamaan mendustakan ajaran Quran dan ugama yang dibawa oleh nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan apabila mereka mendustakan Quran, maka mereka mengecil-ngecilkan Quran dan mengecil-ngecilkan bererti mereka bukan orang Islam kerana orang Islam ia menghormati Quran dan memuliakan ajaran Islam dan percaya Quran sebagai suatu hidayat dan panduan hidup dunia dan akhirat dan orang-orang yang mengikut hawa nafsu itu telah disebutkan akan mereka dalam hadis-hadis Rasulullah yang telah kita bawa dahulu dari ini.

3. Daripada sahabat Anas bin Malik radhiallahu anhu telah berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (ertinya): Orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Kiamat, setengah kepada setengahnya memberi nasihat dan berkasih-kasih, sekalipun jauh kampung halaman mereka dan jauh badan mereka, dan orang-orang jahat yang degil melawan Allah, setengah kepada setengahnya curang dan membuat tipu daya, sekalipun hampir kampung halaman mereka dan hampir tubuh badan mereka.

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Al-Syaihi bin Haiaan dalam kitab At-Taubin.

### BUKAN ORANG ISLAM

Daripada sahabat Huzaifah bin Al-Yamaani radhiallahu anhu telah berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (ertinya): Barangsiapa orang yang tiada tahu menahu akan perkara umat Islam, maka dia bukan orang Islam, dan barangsiapa pada pagi hari dan petang hari tiada memberi nasihat dan tiada memberi ingat bagi pihak Allah Taala, bagi pihak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bagi pihak raja dan bagi pihak orang ramai orang Islam, maka dia bukan orang Islam.

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabarani dari riwayat Abdullah bin Abi Ja'afar.

Maka orang Islam yang tiada mengambil tahu hal orang-orang Islam, hal-hal ahli maksiat, dan ahli derhaka bagaimana tersebut dalam hadis-hadis Rasullullah yang saya bawa dahulu dari ini, ahli-ahli arak, ahli-ahli zina, ahli-ahli kelab malam, ahli-ahli kebudayaan dan hiburan dan ahli dayus dan quwaat, ahli yang degil tiada mahu sembahyang walaupun sembahyang wajib di atasnya, tiada mahu qada sembahyang, tiada mahu bayar hutang qada sembahyang, walaupun hutang qada sembahyang itu wajib dibayar, sekalipun telah lalu dan berlangsung waktunya, tiada mahu bayar hutang puasa, tiada mahu bayar zakat harta, tiada mahu pergi haji, tiada mahu jalankan undang-undang Islam, tiada mahu hidup cara Islam, mengamalkan rasuah dan dadah yang membinasakan akal dan umat Islam, maka mereka menurut zahir hadis-hadis ini, bukan orang Islam dan bukan orang Islam yang sempurna, bahkan mereka adalah orang yang rugi dan ahli neraka.

WALLAHUAKLAM

# Negara perlukan masyarakat yang berdisiplin

SERIA. — Pembangunan sesebuah negara berkehendakkan masyarakat yang berdisiplin, berdikari, mempunyai kualiti yang tinggi dari segi pemikiran, latihan, pelajaran dan pegangan hidup yang kuat terhadap ugamanya.

Setiausaha Tetap (Pentadbiran) Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Salleh bin Haji Hidup berkata, tahap pembangunan banyak bergantung kepada pencapaian masyarakatnya sendiri dan seterusnya kebijaksanaan kerajaannya dalam menentukan dasar-dasar yang tepat dan selaras, khususnya dalam bidang perkembangan tenaga manusia dan pengurusan ekonomi.

Mengenai perkembangan tenaga manusia itu, beliau berkata, ia adalah merupakan proses yang berterusan dan juga satu aspek pelaburan untuk jangka waktu yang panjang.

Menyedari hakikat itulah katanya, Kerajaan dengan bijak dan tepat telah menyediakan beberapa peruntukan matlamat dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang antaranya bermaksud untuk mewujudkan masyarakat yang dinamik, berdisiplin dan bertanggungjawab kepada negara sebagai ejen bagi kemajuan dan pembangunan.

### Mempercepatkan

Berucap sebelum menyampaikan hadiah dan sijil kepujian kepada penuntut-penuntut institusi, maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah seluruh negara dalam upacara yang berlangsung di Dewan Utama Kelab Ria Shell Brunei di sini pada 21 Oktober lalu, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Salleh menjelaskan, Kerajaan sejak berpuluh tahun lalu telah menumpukan perhatian sepenuhnya bagi mempercepatkan kemajuan sumber-sumber tenaga manusia bagi diselaraskan dengan kehendak negara.

Katanya, "Baru-baru ini dua institusi telah ditubuhkan iaitu Institut Teknologi Brunei dan Pusat Latihan Mekanik, yang bertujuan untuk mengeluarkan tenaga mahir dan separuh mahir."

Dan sebagai rakyat dan penduduk negara, menurut beliau, kita mempunyai tanggungjawab utama bagi mendukung dasar yang berkebajikan itu, atas kesedaran bahawa negara kita yang mempunyai bilangan penduduk yang tidak begitu besar, memerlukan perkembangan dan penggunaan tenaga manusia secara optima dalam ikatan perpaduan masyarakat yang kukuh.

"Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini, kita semestinya sama-sama menyedari bahawa kita tidak mahu adanya pembaziran tenaga manusia dalam bentuk anak-anak muda yang tidak mahu belajar, terlalu sangat memilih kerja, suka membuang masa dengan kegiatan-kegiatan yang tidak berkebajikan dan yang lebih menyedihkan lagi untuk menyerahkan diri bagi dihantui dengan penyalahgunaan dadah dan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh ugama Islam," tegas Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Salleh.

# Setem sempena Tahun Keamanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan sedang mengeluarkan satu set setem bermula pada 24 Oktober lepas.

Setem kenang-kenangan berharga 50 sen, 75 sen dan $1.00 serta sampul-sampul surat rasmi berharga 45 sen sekeping itu dijual di semua Pejabat Pos di seluruh negara.

Penjualan setem-setem dan sampul-sampul surat itu adalah sebagai sokongan di atas pengisytiharan Tahun Keamanan Antarabangsa

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 29 Oktober, 1986 hingga ke hari Selasa 4 November, 1986 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Oktober | | | | | | | | | | | | |
| 29 | 12.06 | 3.24 | 3.25 | 6.02 | 6.03 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 30 | 12.06 | 3.24 | 3.25 | 6.02 | 6.03 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 31 | 12.06 | 3.24 | 3.25 | 6.02 | 6.03 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| November | | | | | | | | | | | | |
| 1 | 12.06 | 3.24 | 3.25 | 6.02 | 6.03 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 2 | 12.06 | 3.24 | 3.25 | 6.01 | 6.02 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 3 | 12.06 | 3.25 | 3.26 | 6.01 | 6.02 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |
| 4 | 12.06 | 3.25 | 3.26 | 6.01 | 6.02 | 7.13 | 7.14 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.05 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## Pentingnya ucapan salam:

# WUJUDNYA KASIH SAYANG DAN MUHIBAH




Marilah kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Pada Jumaat yang lalu, kita telah bercakap mengenai perpaduan atau hubungan silaturahim, yang menjadi sumber kekuatan dan kesejahteraan umat Islam. Apakah syarat-syarat wujudnya perpaduan itu, bagaimana caranya suapaya perpaduan dan hubungan mesra wujud di kalangan masyarakat Islam? Jawapannya yang paling ringkas ialah : Hidupkan muhibah dan kasih sayang yang ikhlas sebagai saudara seugama, jangan berhasad dengki, bermusuhan dan buruk sangka sesama sendiri.

### Menghidupan Kasih Sayang

Inilah suatu hal yang nampaknya kecil tetapi besar hikmat dan rahsianya, sangat perlu diambil perhatian dengan saksama, iaitu bagaimana caranya menghidupkan semula perasaan muhibah dan kasih sayang di antara sesama umat Islam itu. Kerana apa yang ternyata pada hari ini, kasih sayang atau muhibah itu tidak seberapa lagi menjiwai pergaulan umat Islam di mana-mana jua. Kerana itu perpaduan kita tidak nampak erat, percampuran tidak mesra dan kedudukan menjadi

*''UGAMA Islam itu ugama berkasih sayang dan beribadat kepada Allah.''*

lemah. Ini tidak lain dari suatu alamat, bahawa jiwa Islam tidak berkubur dalam diri kita. Jiwa Islam itu selain ibadat ialah, muhibah atau kasih sayang, sebagaimana berkata Al-Ghazali : *"Ugama Islam itu ugama berkasih sayang dan beribadat kepada Allah"*.

Allah Taala menjadikan manusia itu berpuak-puak atau berbangsa-bangsa dengan tujuan supaya mereka berkenal-kenalan. Di antara kumpulan bangsa-bangsa ini ada suatu umat yang dipersaudarakan oleh ugamanya, iaitu umat Islam. Sesudah dipersaudarakan, mereka dipersatukan pula oleh kepercayaan kepada Allah, kepada Malaikat-Malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya, kepada Rasul-Rasul-Nya dan kepada hari kemudian. Keadaan mereka yang beriman ini diumpamakan sebagai suatu binaan yang menguatkan antara satu sama lain, atau ibarat tubuh badan, jika sakit sebahagiannya maka akan turut sakitlah sekalian anggota yang ada.

Adapun semua perumpamaan ini tidak lain dari suatu perlembagaan yang menunjukkan umat Islam itu mestilah dalam keadaan tidak boleh bermusuhan atau berbenci-bencian antara satu sama lain. Tetapi sebaliknya mestilah sentiasa berada dalam kasih sayang dan muhibah yang berkekalan. Rasulullah Sallallahu Alalihi Wasallam pernah bersabda yang kira-kira maksudnya : *"Tidak masuk syurga kamu sehingga kamu telah beriman, dan belum sempurna iman kamu itu sehingga kamu berkasih sayang. Tidaklah aku tunjukkan kepada kamu suatu perkara apabila kamu amalkan dia nescaya kamu kasih mengasihi sesama kamu, iaitu menyebarkan Islam di antara kamu."*

### Lazimkan Memberi Salam

Apakah belum terang seperti amanah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu? Baginda telah menunjukkan suatu jalan bagaimana hendak menghidupkan perasaan kasih sayang di antara orang-orang Islam, dengan melazimkan memberi salam apabila mereka berjumpa antara satu sama lain, suatu perbuatan yang amat ringkas dan mudah dibuat sekadar lafaz "Assalammu Alaikum", dilakukan ke atas siapa sahaja, besar atau kecil, tua atau muda, berpangkat ataupun tidak, waktunya tidak kira siang atau malam. Dan tempatnya sama ada di rumah, di jalan-jalan atau di mana-mana sahaja, baik secara seorang kepada seorang ataupun beramai-ramai. Bagi orang yang menerima salam itu pula hendaklah menjawapnya dengan sebaik-baik jawapan kalau orang memberi salam setakat "Assalammu Alaikum", hendaklah kita jawab dengan melebihkan ucapan "Waalaikum salam warahmatullahi wabarakatuh." Janganlah ada di antara kita yang merasa sombong dan besar diri sehingga lantaran itu tidak mahu menjawab salam saudara-saudara kita. Sayugia ia sifat begini bukanlah sifat orang-orang beriman yang sejati. Dan paling patut juga diingat bahawa Allah Taala itu tidak suka dan bahkan amat benci kepada orang-orang yang takbur dan menyombongkan diri.

### Pertarungan Hawa Nafsu

Sebagai panduan bagaimana pesaka yang berharga ini dilaksanakan, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyebutkan di dalam hadis Baginda tentang siapa yang harus lebih dahulu memulakan salam, kerana hal ini penting sekali untuk memadamkan pertarungan hawa nafsu dan sentimen tinggi diri sehingga boleh membawa orang tidak mahu memulakan salam. Tetapi dengan adanya petunjuk dari hadis ini, maka tidak siapa yang dapat berperasaan demikian itu lagi. Hadis itu kita rumuskan maksudnya sebagai berikut :

*"Jika kita seorang diri, kitalah memberi salam kepada yang ramai. Kalau berkeinderaan, kitalah yang memulakan salam kepada yang berjalan kaki. Kalau kita berjalan kaki, dahulukan kepada yang sedang duduk. Dan kanak-kanak atau yang lebih muda patut pula memulakan kepada yang besar atau yang lebih tua daripadanya."* Dan selain itu, wahai kaum Muslimin, sangat mustahak juga diingat supaya kita yang menerima atau menyambut salam orang hendaklah dengan cara yang bersungguh-sungguh, bukan dengan sambil lewa. Sebab kesungguhan dari tutur kata dan gerak-geri itu tandanya ada penghargaan yang wajar. Dan inilah fakta yang melahirkan muhibah atau kasih sayang yang hendak dituju oleh ugama. Ya, alangkah halus dan indahnya ugama Islam itu dalam mendidik rohani manusia.

*''TIDAK masuk syurga kamu sehingga kamu telah beriman, dan belum sempurna iman kamu itu sehingga kamu berkasih sayang. Tidaklah aku tunjukkan kepada kamu suatu perkara apabila kamu amalkan dia nescaya kasih mengasihi sesama kamu, iaitu menyebarkan Islam di antara kamu.''*

## Menghayati Al-Quran tanggungjawab semua umat Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Ketua Pos Agung, Awang Adanan bin Haji Hanafiah berkata, menghayati dan mengetahui pembacaan Al-Quran memanglah menjadi tanggungjawab kepada semua umat Islam.

Beliau berkata, bukanlah matlamat semua peserta yang menyertai pertandingan itu untuk mencapai kejayaan semata-mata, tetapi untuk menghayati isi kandungan Al-Quran dan rahsia-rahsia di dalamnya.

Awang Adanan berkata demikian di Pertandingan Membaca Al-Quran bagi kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos yang berlangsung di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada 19 Oktober lepas.

Awang Saifulzaman bin Haji Apong dan Dayang Hajjah binti Lahak masing-masing menjuarai bahagian qari dan qariah dalam Musabaqah Membaca Al-Quran bagi kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos



TIMBALAN Ketua Pos Agung, Awang Adnan bin Haji Hanafiah ketika berucap — Gambar oleh Harun Rashid.

pada 19 Oktober lepas.

Musabaqah yang disertai oleh seramai 8 orang peserta termasuk empat orang qariah itu adalah merupakan kegiatan tahunan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Johan qari dan qariah di musabaqah tersebut akan mewakili jabatan itu ke Musabaqah Al-Quran antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan yang akan diadakan kemudian.

## Menuju Keredaan Allah

*Tidak ada kemudaratan dan jangan berbuat mudarat*

*— Hadis*

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, ertinya: "Tidak ada kemudaratan dan tidak boleh berbuat kemudaratan."

Kemudaratan adalah bermacam-macam, maksudnya ialah:

Pertama: Jangan melakukan kemudaratan kepada diri sendiri dan kepada diri orang lain.

Kedua: Jangan melakukannya kepada orang lain dan jangan pula membalasnya, tetapi serahkan perkara itu kepada pihak yang berkenaan.

Ketiga: Jangan mengerjakan sesuatu yang berguna kepada diri sendiri tetapi mendatangkan kemudaratan atau kesusahan kepada orang lain, sedang orang yang mengerjakannya tidak pula mendapat faedah.

Bagaimanapun juga kemudaratan atau kesusahan tidaklah disukai ugama, sama ada bagi diri sendiri lebih-lebih lagi bagi orang lain. Sama ada dengan cara yang halus mahupun dengan cara yang kasar, kecuali kalau kemudaratan itu adalah suatu kebenaran yang diizinkan ugama untuk dilakukan sebagai hukuman, dan ini adalah dalam kesalahan yang tertentu seperti dalam perkara mencuri, merompak dan sebagainya.

Kemudaratan bererti sesuatu yang menyusahkan seseorang kerana jenis kemudaratan itu ada bermacam-macam serta dilakukan orang dengan bermacam gaya dan cara. Hal ini tidak dikehendaki oleh ugama, kerana Allah tidak pernah memerintahkan hamba-hamba-Nya mengerjakan sesuatu yang menyusahkan, Allah hanya menyuruh berbuat kebaikan dunia dan ugama-Nya, dan melarang berbuat kejahatan demi keselamatan dan kebahagiaan diri sendiri di samping mendatangkan kemudaratan kepada orang lain.

Ugama Islam tidak menyukai atau tidak membenarkan membuat sebarang kemudaratan dan kesusahan terhadap diri sendiri dan juga kepada diri orang lain kerana ugama Islam itu ugama yang mudah, tidak memberatkan atau menyusahkan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bahawa: 'Ugama itu mudah.'

Hadis di atas tadi iaitu yang bererti "Tidak ada kemudaratan dan tidak boleh berbuat kemudaratan," menjadi dalil yang menunjukkan bahawa ugama Islam adalah ugama kesejahteraan dan keselamatan, ugama yang tidak menginginі kemudaratan atau kesusahan yang ditimbulkan oleh perbuatan menyakiti diri sendiri mahupun terhadap diri orang lain atau kepada masyarakat sekeliling.

# Hajjah Kadariah bergiat di bidang tenunan

Oleh Aisah Piee

Wanita

KEMAHIRAN dalam seni mesti diwarisi. Jika tidak diajar dan didedahkan kepada generasi muda, tentu saja kemahiran seni, ilmu dan kepandaian yang berfaedah lagi bernilai tinggi itu akan pupus tanpa ada sesiapa yang menerima untungnya.

Kalau ada yang bersikap 'tangaki jering' dengan ilmu dan kemahiran yang ada, kita semua akan rugi namun Dayang Hajjah Kadariah binti Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar yang telah mencapai usia hampir 53 tahun tetap bersikap murah hati. Sejak berusia belasan tahun lagi, Hajjah Kadariah telah bergiat dalam bidang bertenun. Kemahiran dan ilmu yang hanya ditimba dari tunjuk ajar kedua orang tuanya, dengan disertai usaha gigih tanpa mengenal putus asa telah membolehkannya memberi khidmat bakti dalam bidang tenunan sehingga kini.

### MEWARISINYA

"Ilmu dan kemahiran jangan dibiarkan pergi bersama kita ke liang lahad. Mesti ada orang yang mewarisinya sebelum kita mati. Misalnya seni tenun atau apa-apa saja yang berunsurkan seni, jika tidak diturunkan kepada anak-anak kita, alamat semuanya hilang begitu saja tanpa meninggalkan kesan apa-apa," tegas beliau dalam satu pertemuan dulu.

Dayang Hajjah Kadariah binti Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar kini berjawatan Guru Tingkatan Khas khusus di bidang tenunan di Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan. Beliau mula mengajar bertenun di pusat itu dalam tahun 1975.

Beliau tidak pernah menerima pendidikan asas di sekolah. Sedikit pengetahuan dipeorlehi hanya menerusi pelajaran di kelas-kelas dewasa. Tetapi kebolehannya agak mengkagumkan. Dengan hanya tunjuk ajar keluarganya, Hajjah Kadariah dapat menyemai semangat sentiasa berusaha. Justeru itu, dengan minat yang sedia ada, beliau telah mencipta hampir 200 jenis bunga tenunan.

### MENCIPTA BUNGA

Bagaimana beliau boleh mencipta jenis bunga sebanyak itu? Hajjah Kadariah selalu memulakan gubahan dengan melukis bentuk bunga yang mudah, kemudian disambung-sambung dan dicampur aduk hinggalah gubahan itu berbentuk jenis bunga yang menarik. Menggubah bunga-bunga baru untuk tenunan seperti telah menjadi kegemaran bagi Hajjah Kadariah. Kadang-kadang kerja-kerja menggubah dilakukan untuk mengisi masa lapang.

Dari kain Jongsarat, Sukmaindera, Sipugut, Aran Geegati dan Kain Beujung yang menjadi tenunan di kampung-kampung, Hajjah Kadariah memperkenalkan pula Kain Selubang Bangsi iaitu kain yang termahal sekali. Kain Selubang Bangsi pula mempunyai berjenis-jenis bunga, seperti bunga melor dalam belitang, telepok berantai, sipugut berlapis, bunga sejajar indah ditanam, bunga cantik manis, bunga potong intan, bunga putar dalam belitang, bunga panca warna, kelip-kelip putaran kembang dan bunga melor digubah. Nama bunga-bunga tersebut juga direka sendiri oleh Hajjah Kadariah.

Hajjah Kadariah berasal dari Kampong Sungai Kedayan, mula belajar bertenun dalam tahun 1947. Menurutnya, orang-orang tua dulu-dulu mengajar bertenun dengan selalu menggalakkan kita berfikir. Berfikir sendiri membuat satu-satu pembaharuan, tanpa diajar satu persatu. Dari situlah berkembangnya semangat sentiasa berusaha.

Dalam usia yang telah menjangkau setengah abad, khidmat bakti Hajjah Kadariah tetap diperlukan. Khususnya dalam bidang bertenun ini, beliau mengharapkan semoga segala ilmu yang dicurahkan dapat mempertahankan seni warisan bidang tenunan.



HAJAH Kadariah sedang menunjuk ajar cara-cara bertenun kepada pelajar-pelajar tenunan di Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan. (Gambar Pg. Abu Bakar PHO)

## Ikuti kursus di UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Zaine bin Mohd. Daud, Setiausaha Kerja di Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, baru-baru ini telah berlepas ke United Kingdom untuk mengikuti kursus B.A. (Hons) Social Policy and Administration selama lebih kurang tiga tahun di Leeds Polytechnic.

Penghantaran beliau adalah di bawah skim Latihan Dalam Perkhidmatan secara cuti belajar.

# Kelupis : Makanan tradisi yang masih digemari ramai

KELUPIS tergolong sebagai sejenis dari kuih asli di negara kita. Tidak pula diketahui telah berapa lama makanan ini dibuat di sini. Tetapi menurut rencana Allen R. Maxwell mengenai 'kelupis' dalam The Brunei Museum Journel 1985, bolehlah dijangkakan kelupis telah dikenali di negara kita sekurang-kurangnya dalam dua setengah abad yang lalu.

Perkataan 'kelupis' terbit sekali dalam sebahagian dari manuskrip mengenai adat dan tradisi Brunei (manuskrip m.s 47 Sweeny 1986), dan ia juga disebut sekurang-kurangnya tiga kali dalam Manuskrip A Salasilah Raja-Raja Brunei, disunting dan dijelaskan oleh P.L. Amin Sweeney (1968).

Walaupun ia merupakan makanan tradisi yang sudah lama kelupis tetap diminati oleh ramai orang, tidak kira dari golongan tua, muda hinggalah kepada kanak-kanak. Ini mungkin disebabkan bahan-bahan utama membuat kelupis itu sendiri terdiri dari makanan asli orang-orang kita, seperti beras dan santan kelapa.

Beras yang biasanya digunakan untuk membuat kelupis ialah beras pulut, manakala ada juga yang gemar membuat kelupis dari beras tempatan yang lembut. Manakala kelapa yang digunakan ialah kelapa tua bagi mendapatkan santan yang pekat dan lemak yang mencukupi.

Rencana Allen R. Maxwell juga mendedahkan kelupis sebagai makanan tradisi bagi acara-acara sosial, terutama yang berkaitan dengan upacara perkahwinan orang-orang Kedayan. Misalnya majlis berjarum-jarum atau 'bersuruh' dan lain-lain upacara yang berkaitan dengan perkahwinan itu ialah 'mulih tujuh hari'. Selain itu, kelupis juga merupakan makanan tradisi yang dihidangkan dalam upacara Makam Tahun, iaitu majlis yang diadakan selepas musim menuai.

Kelupis biasanya dibungkus dengan daun nyirik kadangkala terdapat juga yang berbungkus dengan daun pucuk nipah. Hari ini kelupis tidak saja kekal dengan keadaannya yang lama — kelupis kosong yang dihidangkan bersamnya berbagai jenis masakan daging, tetapi ada juga yang mengandungi inti seperti kelapa goreng, udang atau daging.

Di sini kita sertakan bahan-bahan untuk membuat kelupis resepi petikan dari buku 'Kuih-Kuih Asli Brunei' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.



BEGINILAH bentuk kuih tradisi kita kelupis yang sudah siap. Kuih seperti ini masih digemari ramai khususnya di hari-hari keramaian seperti majlis perkahwinan, berzikir dan seumpamanya.

### KELUPIS

Bahan-bahannya:

3 kati beras pulut
2 biji kelapa
Sedikit garam
Daun nyirik
Lidi (tulang daun)

Cara membuatnya:

Beras pulut dibersihkan dan ditoskan.

Kelapa diparut dan diambil santannya. Masak sehingga mendidih dan mengeluarkan minyak. Kemudian bubuh sedikit garam.

Selepas itu baharulah dimasukkan beras tadi, didadih (dimasak) hingga setengah masak. Kacau hingga keluar minyak dan tuhus santannya, baharulah diangkat.

Adunan tadi dibungkus dengan daun nyirik dan disemat dengan tulang daun. Kemudian baharulah dikukus sehingga masak.

# Petua : Memasak jagung supaya tidak hilang manisnya

JAGUNG manis sejenis buah yang mengandungi banyak khasiat dan vitamin di samping rasanya yang sedap. Tetapi kadang-kadang apabila kita memasak atau merebusnya rasa manis buah tersebut hilang dan rasanya kurang sedap.

Ini mungkin disebabkan cara kita merebusnya salah atau tidak mengikut petua yang betul.

Untuk mengelakan perkara itu berlaku, di sini kami berikan sedikit petua orang-orang kitani bagaimana merebus buah jagung supaya rasa manisnya tidak hilang.

Pertama, buah tersebut mestilah masih segar, kemudian direbus dengan dua atau tiga lapis kulit bahagian dalamnya dan jangan direbus terlalu lama selain dari itu paras airnya tidak melebihi paras jagung dan kalau suka boleh dibubuh sedikit garam. Dengan ini, insya-Allah rasa manisnya tidak akan hilang.

Selain dari itu, supaya buah jagung yang dipetik sentiasa segar, kita hendaklah mengupas dan tinggalkan dua atau tiga lapis kulitnya dan simpan di dalam peti sejuk.

# Kaedah memperbaiki sistem ramalan iklim

Oleh Aisah Piee

BERAKAS. — Mesyuarat ke-9 Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Iklim yang berakhir pada hari Khamis, 23 Oktober lepas merumuskan empat perkara untuk dihadapkan kepada Jawatankuasa Sains dan Teknologi ASEAN (COSTA).

Antara empat perkara itu ialah mengenai penggunaan data dan data-data iklim ASEAN. Kajian menggunakan sumber solar di rantau ini serta penubuhan Jawatankuasa Kajicuaca ASEAN.

Seperkara lagi yang akan dihadapkan ialah mengenai langkah yang akan memperbaiki sistem ramalan iklim, terutama bagi negara-negara yang menjadikan bidang pertanian sebagai sumber ekonomi.

Mesyuarat tersebut berlangsung pada hari Isnin, 20 Oktober lalu di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan dengan satu upacara perasmian oleh Menteri Pembangunan Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit.

### Kerjasama Antarabangsa

Yang Berhormat mensifatkan mesyuarat itu sebagai usaha meningkatkan persefahaman dan kerjasama antarabangsa dalam bidang kajicuaca, dan berharap agar Jawatankuasa Kecil yang bersidang selama empat hari itu membuat kajian mendalam demi kepentingan bersama negara-negara ASEAN.

Turut berucap mengalu-alukan perwakilan negara-negara ASEAN ialah Dayang Haleh P.A. Jaafar, Ketua Perkhidmatan Kajicuaca di Jabatan Penerbangan Awam yang juga mengetuai perwakilan negara kita. Juga menyampaikan ucapan dasarnya ialah Dr. R.L. Kintanar, Pengerusi Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Iklim.

Negara kita yang menjadi tuan rumah buat kali pertama telah membentangkan dua kertas kerja. Satu, mengenai keputusan eksperimen tentang 'sea breeze' yang dibuat di negara kita pada 28 April hingga 5 Mei tahun ini. Kedua, masalah 'very short-range-forecasting' di rantau ASEAN.

Mesyuarat ke-9 itu dihadiri oleh dua perwakilan Negara Thai, empat dari negara kita termasuk pemerhati dan seorang dari tiap-tiap negara ASEAN yang lain.



YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan ketika merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Iklim kali ke-9 yang berlangsung di Jabatan Penerbangan Awam minggu lalu. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



GAMBAR atas merakamkan ketika Mesyuarat ke-9 Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Iklim yang berlangsung di Jabatan Penerbangan Awam. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar.

# KEMBANGLUASKAN SUMBER ALAM SEMULA JADI

SERIA. — Pegawai Perhubungan Masyarakat, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Awang Ibrahim bin Haji Jumat berkata, perusahaan industri minyak dan gas yang telah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan ekonomi negara telah mengeluarkan hasil lebih setengah kurun, dan ternyata suatu masa nanti akan pupus.

"Dari itu sebagai pengganti sumber lain yang boleh kita harapkan apabila waktunya sudah tiba, negara kita telahpun membuat rancangan dan melaksanakan diversifikasi ekonomi. Ke arah ini keutamaan telah diberikan untuk memajukan dan memperkembangluaskan sumber alam semula jadi yang sedia terdapat di negara kita seperti pertanian, perikanan, perhutanan dan perindustrian," tegas Awang Ibrahim.

Menyatakan demikian dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah Kepujian Shell Brunei bagi penuntut-penuntut institut, maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah seluruh negara minggu lalu, Awang Ibrahim seterusnya menegaskan, pencapaian ke taraf yang lebih pesat di segi ekonomi dari sumber-sumber baru itu, bagaimanapun, memerlukan lebih ramai pekerja.

"Oleh yang demikian, keperluan seperti itu hanya akan boleh diperolehi dari dalam negeri dengan ramainya penuntut-penuntut yang berkelulusan dari masa ke semasa bagi mendukung ke arah kemajuan di pelbagai aspek di negara kita," katanya.

Adanya universiti di negara kita sekarang, menurut Awang Ibrahim, akan memberi peluang melanjutkan pengajian kepada bukan lagi sebilangan kecil para penuntut.

Majlis hari itu telah memberikan hadiah kepujian kepada seramai 133 orang penuntut dari 35 sekolah atasan termasuk institusi, maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah di seluruh negara.

Projek penganugerahan hadiah-hadiah kepujian bagi pelajar-pelajar terbaik di negara kita disumbangkan oleh Shell Brunei sejak tahun 50-an. Ia bertujuan bukan hanya membuat pengiktirafan dan pengakuan bagi segelintir murid dan penuntut, tetapi diharapkan akan dapat memberi perangsang dan semangat kepada keseluruhan pelajar agar lebih bergiat di segi pelajaran akademik atau teknikal dalam apapun jurusan atau kurikulum yang dipilih.

Penerima-penerima hadiah hari itu pada sebelah tengah harinya berpeluang pula membuat lawatan ke beberapa bahagian syarikat, termasuk Jabatan Komputer, Makmal Penghasilan, Pusat Latihan Teknikal, Syarikat Minyak Shell Brunei dan Kilang Penapis Minyak Shell. Selain itu mereka juga berpeluang menyaksikan pameran komputer dan tunjuk ajar penggunaannya dan pameran industri minyak dan gas dengan menggunakan alat tayang lengkap 'Polar Motion'.

Sambungan dari muka 3

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigadier Jeneral Pengiran Haji Ibnu, selaku TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN.

Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Awang Sulaiman, selaku TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI.

Yang Mulia Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad Wally Skinner, selaku TIMBALAN MENTERI KEWANGAN.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji ... bin Orang Kaya Periwara Abdul ..., selaku TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI.

Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, selaku TIMBALAN MENTERI PELAJARAN.

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, selaku TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji ... bin Haji Munap, selaku TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji ... Ali bin Haji Mohd. Daud, selaku TIMBALAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.

Tugas kewajipan Timbalan-Timbalan Menteri ialah untuk membantu Menteri-Menteri yang berkenaan pada melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih licin lagi.

Sehubungan dengan ini, Beta sekali lagi ingin mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta supaya akan mempertingkatkan daya usaha dan sumbangan bakti mereka, dan terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah semata-mata kerana Allah, iaitu satu pentadbiran yang bebas dari tamak dan rasuah dan penyelewengan tugas dan kuasa, agar semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini akan dapat bersama-sama menikmati kemudahan-kemudahan dan hasil-hasil dari projek-projek kemajuan di dalam suasana sebuah masyarakat yang adil dan saksama semata-mata kerana Allah jua. Sepertimana yang Beta kehendaki hendaknyalah pegawai-pegawai Kerajaan Beta sentiasa mempertingkatkan kerjasama dan saling hubung-menghubungi serta mengadakan permuzakarahan di antara satu dengan lain pada melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna.

Beta juga ingin mengingatkan kepada rakyat Beta mengenai dengan masalah dadah. Gejala dadah adalah perosak akhlak dan tatasusila dan punca kemerosotan dan kemunduran sesuatu bangsa. Ianya juga adalah merupakan satu masalah besar yang dihadapi oleh banyak negara di dunia ini. Negara Brunei Darussalam juga, jika tidak berjaga-jaga dan waspada dari sekarang, tidak akan terkecuali daripada menghadapi bencana dadah itu. Kerajaan Beta di dalam usaha untuk membenteras dan memerangi penyalahgunaan dadah, tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang keras dan tegas ke atas pengedar-pengedar dadah di negara ini. Beta ingin mengingatkan kepada Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung serta ibu bapa, supaya akan sentiasa mengawasi anak-anak buah dan anak-anak mereka daripada terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Begitu juga guru-guru hendaklah sentiasa memerhatikan tingkahlaku murid-murid mereka jika ada tanda-tanda masalah-masalah dadah. Pendek kata, semua pihak hendaklah memberikan kerjasama kepada Kerajaan Beta di dalam membenteras penyalahgunaan dadah dengan melaporkan kepada pihak yang berkuasa sebarang perbuatan yang disyaki ada kaitannya dengan dadah.

Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala sumbangan bakti mereka dalam mempertahankan keselamatan dan menjaga keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam yang kita semua cintai ini.

Kepada rakyat Beta yang dikasihi, Beta menasihatkan agar mereka dengan tidak kendur-kendur mengekalkan azam dan tekad untuk sentiasa berganding bahu dengan Kerajaan Beta dan terus memikul kewajipan masing-masing sebagai rakyat dan penduduk yang taat setia serta jujur dan bertanggungjawab.

Dengan jumlah penduduk yang kecil, kita memerlukan kerjasama di antara satu dengan lain untuk memajukan dan membangun Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini. Adalah juga menjadi tanggungjawab bersama seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini untuk menjaga keselamatan negara daripada sebarang ancaman musuh dan gejala-gejala dakyah anasir jahat sama ada datangnya dari dalam mahupun dari luar negeri, yang cuba mencabuli kemerdekaan dan kedaulatan negara kita, dan yang cuba mengkucar-kacirkan keamanan dan mengelirukan pemikiran rakyat dan dakyah-dakyah yang palsu yang semata-mata mempunyai motif kepentingan diri mereka sendiri. Seharusnyalah kita sentiasa beringat-ingat dan waspada dan menghindarkan sebarang perbelahan dan persengketaan sesama sendiri agar kemajuan dan kemakmuran yang dicapai akan sama-sama kita nikmati.

Sekian. Wabillahit Taufiq Wal-Hidayah, Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Kemelesetan ekonomi memberi kesan pada industri perkapalan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kemelesetan situasi ekonomi dunia sekarang dan perdagangan yang menurun memberi kesan kepada industri pelabuhan dan perkapalan, demikian ditegaskan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Dato Matnor.

Bagaimanapun, katanya, keuntungan yang rendah dan persaingan sepatutnya mendorong kita bagi meningkatkan kemudahan dan memperbaiki cara dan sistem perlaksanaan, agar pertambahan kecekapan itu membolehkan kita memperolehi kembali sebahagian dari kerugian akibat turunnya kadar perdagangan.

Berucap sejurus sebelum merasmikan Mesyuarat ke-9 Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Perkapalan dan Pelabuhan di Dewan Serbaguna, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini pada 27 Oktober lalu, Awang Haji Ahmad berkata, kemajuan itu juga akan memberi kita keuntungan masa depan seandainya perdagangan meningkat.

Oleh: Aisah Piee

"Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Perkapalan dan Pelabuhan adalah forum di mana kita boleh bekerjasama untuk mencapai kemajuan-kemajuan ini," tegas Awang Haji Ahmad.

Antara agenda dalam mesyuarat tersebut ialah 'Formulating A New Integrated Work Programme on Shipping and Ports (IWPSP) 1987 — 1992' dan 'Revising Integrated Work Programme on Shipping and Ports (IWPSP) 1981 — 1986.'

Perwakilan dari negara-negara ASEAN yang bermesyuarat sehingga hari ini juga membuat rumusan dan menyelidik beberapa projek yang berfaedah bagi rantau itu.

Mereka juga membuat pernilaian terhadap perlaksanaan sebelumnya, meneliti kejayaan projek dan kegiatan Pertubuhan Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan ASEAN (APAA), Persekutuan Pertubuhan Pemilik-Pemilik Kapal ASEAN (FASA) dan Persekutuan Majlis Pengguna-pengguna Kapal ASEAN (FASC).

Mesyuarat tiga hari Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Perkapalan dan Pelabuhan adalah yang ketiga di mana Kementerian Perhubungan di negara kita menjadi tuan rumah tahun ini.




SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Dato Matnoor ketika berucap membuka rasmi Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Perkapalan dan Pelabuhan di Dewan Serbaguna Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan. — Gambar oleh Pg Bahar PHO.

### RALAT

RUANG 1 muka 3 selepas baris 21 hendaklah dibaca "Antaranya termasuklah titah Baginda sempena menyambut tahun baru 1986 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen" bukan seperti yang dicetak minggu lepas.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pg Haji Mohd Yusof beserta jemputan khas yang lain ketika hadir di majlis pada malam itu. — Gambar oleh Pg Hj Yaakub.

# 'Pelangi Senja' memenangi Skrip Drama TV

Oleh: Mohd. Salleh Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Skrip drama televisyen 'Pelangi Senja' karya Haji Abdul Rahman Mohd. Yusof, Pengarang Kanan di Dewan Bahasa dan Pustaka telah memenangi hadiah pertama wang tunai $3,000 serta satu tiket kapal terbang pergi balik ke Jakarta sumbangan RBA dalam peraduan menulis Skrip Drama Televisyen.

Peraduan ini adalah anjuran pertama kali Jabatan Penyiaran dan Penerangan di Jabatan Perdana Menteri. Tujuan peraduan ini ialah bagi memperbanyakkan dan mengetengahkan para penulis tempatan terutama dalam penulisan kreatif drama televisyen, di samping melibatkan diri secara aktif pada melahirkan buah fikiran yang membina melalui karya seni.

Pelangi Senja mengisahkan tentang pramugari yang bernama Fauziah bercita-cita mengenalkan budi, kewibawaan gadis negara kita ke arena antarabangsa.

Tunangnya Shafie melanjutkan pelajaran ke Mesir. Peninggalan tunangnya di luar negeri sering didampingi oleh Rashid, pemuda yang pernah sedarjah dengannya. Rashid, kontraktor muda, menaruh hati kepada Fauziah tetapi setelah mengetahui Fauziah sudah bertunang, timbul niat jahat.

Suatu malam Rashid membawa Fauziah ke banglownya. Rashid yang ketika itu mabuk sudah hilang pedoman untuk memperkosa Fauziah. Niatnya gagal. Fauziah dapat mempertahankan diri. Berkali-kali menyatakan kepada Rashid, zina itu perbuatan terkutuk yang dimurkai oleh Allah.

Dalam mempertahankan maruah dan harga dirinya, Fauziah telah membunuh Rashid kemudian menyerah diri kepada Polis. Fauziah didapati bersalah dan dikenakan hukuman tiga tahun penjara. Pertunangan terus diputuskan. Keluarga Fauziah menulis surat kepada Shafie memberitahu tentang kejadian itu. Shafie pulang serta menyanjung tinggi sikap Fauziah dan bersedia menjadikan Fauziah isteri selepas keluar dari penjara.

Menurut pihak penganjur, pada awalnya 56 skrip diterima setelah peraduan ini ditutup pada Jun tahun lalu. Setelah dinilai hanya sebanyak 35 skrip saja yang berjaya masuk ke peringkat akhir.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusoff, sasterawan tanahair yang pernah menulis novel sejarah bernama Mahkota Yang Berdarah, telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Penyampaian hadiah dilakukan di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei pada 25 Oktober lepas.

# Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 22 Oktober, 1986.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. TELUR AYAM — sepapan $5.00.
   a) Kedai Chop Suom Huat 28, Jalan Sultan.
2. BAWANG PUTIH — sekati $1.20 sen.
   a) Kedai Chop Ken Ken B2 Jalan Robert.
   b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
   c) Kedai Kim Seng Choon No. 6 Jalan McArthur.
3. SAGU HALUS — sekati 90 sen.
   a) Kedai Chop Hen Long 31, Jalan Sultan.
   b) Kedai Chop Aik Thye 25, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. TELUR AYAM — sepapan $5.50.
   a) Kedai Sparikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
   b) Kedai Ng Ming Hong 101, Jalan McKerron
   b) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
2. BAWANG PUTIH — sekati $2.00.
   a) Kedai Chop Haw Min Chinese Chamber of Commerce.
3. SAGU HALUS — sekati 90 sen.
   a) Kedai Ng Ming Hong 101, Jalan McKerron
   b) Kedai Yick Guan 3 Jalan Pretty.

**SERIA**

1. TELUR AYAM — sepapan $5.50.
   a) Kedai Chop Koh Seng Hong 17 Jalan Sultan Omarali.
   b) Kedai Yuan Ho Hiung No. 49 Jalan Bunga Kuning.
   c) Kedai Chop Kim Huat 53, Jalan Bunga Kuning.
2. BAWANG PUTIH — sekati $2.40.
   a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
3. SAGU HALUS — sekati 50 sen.
   a) Kedai Poh Shing 6 Jalan Sultan Omarali.
   b) Kedai Chop Nam Wah 64, Jalan Bunga Kenanga.

# Brunei Darussalam dalam kenangan

PADA tahun 1956, kapal baru kepunyaan Kerajaan Brunei telah dirasmikan namanya sebagai M.L.Bolkiah. Perasmian ini dilakukan oleh Almarhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah.

M.L. Bolkiah telah dibeli oleh Kerajaan Brunei dari Hongkong. Kapal ini digunakan bagi kemudahan perkhidmatan membawa penumpang-penumpang, surat-surat serta bungkusan-bungkusan barang antara Labuan dengan Brunei ketika itu.

# Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 12 Julai 1967 merakamkan tentang semangat 12 orang nelayan dari kampung-kampung yang berdekatan dengan Pekan Muara yang memulakan pembinaan sebuah bangunan sementara di pekan tersebut untuk mendirikan sebuah pasar persendirian yang pertama di negeri ini.

Ini adalah berikutan kebenaran dari Pejabat Daerah Brunei-Muara yang membolehkan mereka menjual ikan-ikan secara terus kepada pembeli-pembeli.

Nelayan-nelayan itu mengumpul modal $6 ribu bagi membina pasar berkenaan. Ini langkah pertama sekumpulan nelayan negara ini bersatu bagi memperbaiki sumber pendapatan mereka dengan cara memasarkan terus hasil tangkapan mereka.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 29 Okt. hingga 30 Okt. 1986

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Serasa | 29.10.1986 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Mentiri | 29.10.1986 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 29.10.1986 | Rabu | 11.30–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Batu Marang | 29.10.1986 | Rabu | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang | 30.10.1986 | Khamis | 10.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 30.10.1986 | Khamis | 2.30– 3.30 petang |

## Skim Pengurniaan Tanah Kepada Rakyat Jati

# 166 ORANG LAGI TERPILIH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 166 orang pemohon terpilih mendapat kurnia tanah dalam pemilihan peringkat keenam Skim Pengurniaan Tanah untuk Rakyat Jati bagi kawasan Daerah Brunei dan Muara, kawasan Mumong, Belait, kawasan Lorong Tiga Selatan, Seria dan kawasan Telisai, Tutong.

160 orang pemohon bagi kawasan Daerah Brunei dan Muara, tiga orang bagi kawasan Mumong, Daerah Belait seorang bagi kawasan Lorong Tiga Selatan, Seria dan dua orang lagi bagi kawasan Telisai, Tutong.

Berikut ialah senarai nama-nama mereka yang telah terpilih :

### SENARAI 'A' PEMOHON-PEMOHON DARI DAERAH BRUNEI/MUARA YANG DISOKONG

Ismail bin Abu Bakar (..688 K), Maidin bin Omarali (Meninggal Dunia), Dy Masnih bte Taha (Wakil) (..4356 K), Mahedin bin Tuah (Meninggal Dunia), Dy ..ah bte Mat Said (Wakil) (..7742 K), Hj Abd. Razak bin Damit (010575 k), Hj Taha bin Bakar (014368 K), Sulaiman bin Latip (004657 K), Ahmad bin Jair (001694 K), Bakar bin Jair (009936 K), ..chuan bin Kitan (022874 K), Hj Abd Ghafar bin Abdullah (004610 K), Hj Muhammad bin Jalil (007411 K), Jaga bte Hj Salleh (041642 K).

Abd Kahar bin Takong @ ..ral (043441 K), Pg ..ad bin PKI Pg Anak Ta..din (023770 K), Wahid bin ..ong (023814 K), Hj Aza.. bin Hj Kahar (023330 K), Sharbini bin Mokti (..282 K), Abdul Jalil bin ..im (A0351 A), Abd ..im bin Hj Meludin (P438 P), Zakria bin Salleh (036838 K), Kahar bin Awg. Tuah (..7140 K), Hamid bin Razak (..519 K), Hj Yusof bin ..sin (120410 K), Hj. ..an bin Hj. Jappar Hj. ..ar (004210 K).

Tamin bin Timbang (..160 K), Hj. Abd. Rauf .. Ahmad (007868 K), Kula .. Puasa (054536 K), Ak. ..im bin Pg. Hj. Sarpudin (..3217 K), Asmad bin Hj. ..kar (022829 K), Mat Salleh .. Sakor (019600 K), Haji ..ari ● Johari bin Abu Bakar (037730 K), Hj. Dollah .. Yusof (027697 K), Awg. ..din bin Hj. Sulaiman (..7022 K), Hj. Serudin bin ..bul (022382 K), Hj. ..at bin Nudin (001806 K), .. Kula bin Pg. Kalong (..6885 K).

Merali bin Abu Bakar (..4706 K), Sulaiman bin .. Bakar (041717 K), Abas .. Abu Bakar (P 38 P), ..p bin Abd. Rahman (..1234 K), Hj. Ahmad bin ..kti (008179 K), Abd. ..ni bin Md. Jaafar (042468 K), Hj. Kamis bin Japar (..4725 K), Murni bin Puasa (..1970 K), Mohd. Yusop bin ..at (023805 K), Sapiah .. Abd. Hamid (020222 K), Pg. Abd. Rahman bin Pg. Hj. Hashim (038237 K), Yussof bin Hj. Umar (042451 K).

Hj. Tajuddin bin Tamin (008146 K), Awg. Damit bin Hj. Awg. Tarip (027915 K), Othman bin Aspar (017270 K), Mohd. Yassin bin Mohd. Daud 014668 K), Hj. Ladis bin Tasim (006749 K), Untong bin Yusof (008921 K), Pg. Sabudin bin Pg. Dato Paduka Pg. Lela Diraja Pg. Hj. Buntar (014598 K), Pg. Ludin bin Pg. Metassan (007585 K), Tali bin Othman (004365 K), Awg. Hj. Mohd. Noor bin Abdul Hamid @ Hj. Matnor (009910 K), Tengah bin Mohd. Noor (030164 K), Awg. Sani bin Hj. Omar (004995 K).

Abas bin Nayan (004953 K), Kaling bin Hj. Daud (015484 K), Pg. Hj. Othman bin Pg. Hitam (023315 K), Entan bte Nangkat (040816 K), Lamiah binti Haji Ali (038220 K), Mohd. Salleh bin Mohd. Noor (034530 K), Hassan @ Samat bin Haji Momin (004410 K), Ramle bin Ismail (003722 K), Hassan bin Hj. Hashim (A1425 A), Awg. Damit bin Hj. Ali (014624 K), Bakar bin Jeludin (041080 K), Pg. Md. Tejuddin bin Pg. Hj. Othman (A02657 A).

Md. Salleh bin Taha (007704 K), Marali bin Besar (A0734 A), Alli bin Awang Alihassan (026829 K), Md. Said bin Jumat (027066 K), Md. Salleh bin Hitam (033510 K), Pg. Ahmad bin Pg. Hj. Sulaiman (A1327 A), Pg. Sulaiman bin Pg. Metali (031229 K), Abd. Lakim bin Hj. Md. Yassin A1289 A), Ismail bin Nasir (030778 K), Simpol bin Khamis @ Baha (014064 K), Hasmali bin Abd. Gapar (A02403 A), Tuah bin Danis (023189 K).

Yussof bin Haji Ismail (A02856 A), Abd. Malek bin Mohd. Said @ Abd. Malik (031451 K), Wahid bin Ishak (A1154 A), Hussin bin Ajak (017042 K), Hj. Mangsor bin Hj. Yussof (P0923 P), Brahim bin Jaya (043867 K), Ahmad bin Uga (004959 K), Hj. Jeludin bin Talip (017744 K), Gapar bin Ahmad (007283 K), Alias bin Yusof/Md. Yussop (031407 K), Pg. Metassan bin Pg. Othman (P 867 P), Awg. Metassan bin Hj. Dullah (014690 K).

Mahmood bin Mumin (030585 K), Serudin bin Apong (026845 K), Abdul Rahman bin Hj. Mohd. Noor (012757 K), Ahmad bin Awang Daud (027473 K), Mokti bin Abdul Ghani (031393 K), Pg. Mat Daud bin Pg. Hj. Osman (015952 K), Md. Daud bin Hj. Jaafar (P563 P), Salleh bin Umar (027962 K), Hassan bin Ali (P13 P), Metusin bin Damit (027057 K), Md. Yassin bin Hj. Rashid (017421 K), Md. Yussof bin Munaf (028441 K).

Md. Shahri bin Pehin O.K. Jurulateh Hj Hussin (001787 K), Lamat bin Karim (A 924 A), Abu Bakar bin Awg. Damit @ Abadin (001848 K), Uthman bin Awg. Damit (A1314 A), Aliakbar bin Tengah (P 261 P), Pg. Sulaiman bin Pg. Tengah (A4478 A), Ahmad bin Makum @ Mohammad bin Makmun (026824 K), Sulaiman bin Ahmad (044478 K), Tengah bin Ibrahim (030264 K), Aji bin Osman (036951 K), Kurus bin Jaafar (011059 K), Lamat bin Haji Damit (025922 K).

Awg. Hj. Ismail bin Hj. Chuchu (017902 K), Awg. Rambli bin Tunjang (017221 K), Ahad bin Akim (P592 P), Pg. Bakar bin Pg. Hj. Othman (032978 K), Hj. Mohd. Salleh bin Hj. Gadong (008434 K), Aliakbar bin Mohd. Noor (030001 K), Mazziz @ Hassan bin Damit (A1411 A), Sarpudin bin Talip (006390 K), Mohd. Salleh bin Hj. Mohd. Rais (P1847 P), Ahmad bin Hj. Metussin (008093 K), Asmad bin Hj. Metali (A1728 A), Jaafar bin Piut (023622 K).

Pg. Mohamed bin Pg. Sunting (007496 K), Mohd. Salleh bin Tuah (012970 K), Pg. Maslan bin Pg. Manai (034274 K), Mat Omar bin Hj. Md. Daud (006670 K), Jahari bin Abu Bakar (000583 K), Abd. Wahab bin Hj. Abd. Ghani (041535 K), Abdullah bin Raim (A1555 A), Pg. Tejudin bin Pg. Bakar (017261 K), Md. Yassin bin Hj. Md. Noor (037279 K), Hj. Abdullah bin Hj. Silim @ Hj. Salim (077327 K), Hj. Abd. Ghani bin Hj. Mohamad (030912 K), Metusin bin Metasad (019431 K).

Pg. Metussin bin Pg. Jaluddin (003632 K), Harun bin Namit (P982 P), Pg. Ahmad bin Pg. Jaya Indera Pa Anak Besar (066074 K), Hassan bin Hj. Osman (A02400 A), Omar bin Timbang (A02432 K), Ali bin Abdullah (015476 K), Umar bin Bagol (A02453 A), Awg. Damit bin Awg. Jaludin (A1014 A).

Liadin bin Damit (038072 K), Bakir bin Untak @ Hashim (022120 K), Jaliah bte Nudin, Asmat bin Hj. Palai (Suami) (001409 K), Mohammad bin Mohd. Yusof (003999 K), Hastan bin Hj. Damit (039050 K), Taha bin Ahmad (023931 K), Haji Jambol bin Kahar (A1606 A), Salat bin Jamudin (032937 K).

### SENARAI 'B' PEMOHON-PEMOHON UNTUK KAWASAN MUMONG DAERAH BELAIT YANG DISOKONG

Hamzah bin Hj. Jahar (002499 K), Ismail bin Apong (018725 K), Morni bin Md. Yusong @ Saud (013164 K).

### SENARAI 'C' PEMOHON-PEMOHON UNTUK KAWASAN LORONG TIGA SELATAN SERIA YANG DISOKONG

Awangku Ismail bin Pg. Ali (A1295 A).

### SENARAI 'D' PEMOHON-PEMOHON UNTUK KAWASAN TELISAI DAERAH TUTONG YANG DISOKONG

Bujang bin Hj. Japar (021352 K), Anggau bin Ahmad (P579 P).



GAMBAR atas merakamkan suasana pembukaan rasmi Kursus Module 2, Bahagian Senifoto yang berlangsung di Unit Latihan Jabatan Perjawatan. Di barisan depan kelihatan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pg Badaruddin (duduk 3 dari kanan). - Gambar oleh Pg Abu Bakar PHO.

# Tugas jurugambar penuh cabaran

**KUMBANG PASANG. — Tugas dan tanggungjawab seorang jurugambar merupakan bidang kerjaya yang penuh mencabar bukan saja di segi merakamkan keindahan-keindahan alam ciptaan Tuhan, tetapi juga lebih mencabar dalam merakamkan detik dan peristiwa sejarah umat manusia dengan berbagai pergolakan hidup sama ada di segi politik, ekonomi mahupun kebudayaan.**

Ini telah ditegaskan oleh Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Penyiaran dan Penerangan semasa merasmikan Kursus Module 2, Seni Foto Pegun di Unit Latihan Jabatan Perjawatan pada 21 Oktober lepas.

"Seorang jurugambar yang tajam penglihatan mata dan sensitif pula perasaan halus jiwanya akan dapat merakamkan secara penuh berkesan sesuatu peristiwa yang boleh dianggap sebagai detik bersejarah kepada sesuatu bangsa," jelas beliau.

Pengarah Penyiaran dan Penerangan juga berkata, bagi seorang penulis, mata penanya adalah senjata paling tajam dalam menukilkan kata yang penuh indah penuh seni menggetar jiwa, kepada jurugambar pula, lensa kameranya akan berperanan aktif menggambarkan citarasa dalam bentuk dan posisi objeknya.

Menurut beliau, adalah sesuai dengan peranan yang berkesan yang boleh dimainkan oleh lensa kamera, juru-jurugambar akhbar dan majalah sering dikatagorikan sebagai manusia foto-journalis iaitu wartawan yang menyampaikan mesej berita melalui fotonya kepada pembaca.

"Demikian pula kepada juru-jurugambar yang menggunakan lensa kamera untuk merakamkan keindahan dan kehalusan ciptaan ilahi, akan tetap dapat menghasilkan foto-foto yang menarik penuh berseni yang berkualiti tinggi sama nilainya dengan lukisan-lukisan bermutu seni yang dihasilkan oleh pelukis-pelukis terkenal dunianya," katanya kepada 26 orang juru-jurugambar yang menyertai kursus tersebut.

Beliau yakin dengan mengikuti kursus ini para peserta, khususnya juru-jurugambar, akan menjadi foto-journalis atau sekurang-kurangnya selaku seorang jurugambar yang berjiwa seni yang menjadikan kerjaya penggambaran sebagai matapencarian.

Pengiran Badaruddin menjelaskan, kerjaya ini bukan saja penuh mencabar, tetapi di suatu masa nanti akan memasuki kategori profesionalisma dalam mana setiap foto yang dihasilkan akan dapat diangkat menjadi khazanah perbendaharaan negara untuk ristaan bangsa.

Antara lain tujuan kursus ini diadakan ialah untuk mendapatkan cara pengambilan gambar-gambar yang ber-

Lihat muka 20

## *Bermesra dengan sistem metrik...*

NEGARA kita, Brunei Darussalam, melalui Bahagian Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak lama lagi akan mengisytiharkan secara menyeluruh penggunaan sistem Metrik bagi Sukatan dan Timbangan untuk menggantikan sistem sukat dan timbang imperial (bukan metrik) biasa yang telah lama kita gunakan.

Langkah ini diambil semata-mata untuk mendatangkan kesenangan dan kepuasan bagi sistem sukat dan timbang demi melicinkan lagi pengurusan, perdagangan, perniagaan dan perindustrian serta untuk menjaga kepentingan orang ramai.

Sebagai langkah permulaan, Bahagian Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengambil inisiatif mengenalkan secara berperingkat-peringkat kepada orang ramai mengenai penukaran ini.

Di bawah ini disenaraikan panduan bagi memudahkan orang ramai mengetahui akan beberapa penukaran unit dari Sistem Imperial kepada Sistem Metrik.

a) PANJANG : Unit-unit bagi ukuran panjang ialah **METER (M)** unit yang kecil adalah **SENTIMETER (CM), MILLIMETER (MM).**

Oleh yang demikian, Sentimeter (cm) akan menggantikan inci (in), meter (m) akan menggantikan kaki dan ela. Di samping itu **kilometer** (km) akan menggantikan batu.

10 millimeter (mm) © 1 sentimeter (cm)
100 sentimeter (cm) © 1 meter (m)
1000 meter (m) © 1 kilometer (km)

b). LUAS : Ukuran bagi luas dalam Metrik ialah **METER PERSEGI** ukuran ekar digantikan oleh **Hektar** (ha).

c). BERAT : Unit asas untuk berat dalam Sistem Metrik ialah **KILOGRAM.** Unit-unit yang kecil adalah seperti berikut:-

1000 milligram (mg) © 1 gram (g)
1000 gram (g) © 1 kilogram (kg)
1000 kilogram (kg) © 1 metrik tonne (t)

Oleh yang demikian, **gram** (g) akan digunakan untuk menggantikan aun (oz) dan **tahil,** dan **kilogram** bagi **paun (lb), kati, pikul** dan **hundredweight (cwt).** Sementara **tonne** (t) akan menggantikan **tan** dan **pikul.**

d).ISIADU : Ukuran bagi cecair seperti minyak petrol, kerosine, minuman dan lain-lain ialah **LITER.**

1000 milliliter (ml) © 1 litre
1000 liter © 1 kiloliter.

Unit-Unit ini akan menggantikan **pint, quart dan gelen.**

# rtb/Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# BINTANG KECIL TERBIT LAGI

SUDAH dimaklumi oleh semua orang, bahawa radio berperanan mendidik, menghibur dan memberitahu pendengar dengan menyediakan berbagai rancangan yang disusun dan dikemaskinikan. Semua ini sebenarnya adalah usaha radio dalam mempertingkatkan taraf sosial pendengar, baik dalam horizan mentality mahupun bidang profesional. Bukan orang dewasa saja yang diberi perhatian, malah kanak-kanak juga mendapat tempat di hati pihak radio dengan penyediaan berbagai rancangan yang disusun khusus buat mereka.

Mengasah bakat dari kecil menerusi apa jua bentuk rancangan adalah salah satu usaha yang dibuat oleh radio untuk kanak-kanak. Kini projek tahunan radio yang dirangka khas untuk kanak-kanak telah bergema lagi bersuara memanggil si kecil ikut serta menyerlah sinar bakatnya. Projek tersebut ialah 'Pertandingan Bintang Kecil,' ia terbit lagi.

Perumpamaan Melayu ada menyatakan 'melentur buluh biarlah sedari rebung.' Ia mungkin menjadi pegangan sebahagian orang dan radio juga turut mengiakan kebenaran perumpamaan ini. Apa tidaknya, sudah ada, malah banyak bakat-bakat kecil yang telah muncul sebagai juara dalam Pertandingan Bintang Kecil RTB, terserlah sinar bintangnya, sehingga ada yang sudah merakam suara ke piring hitam atau kaset. Kepercayaan pengeluar piring hitam atau kaset untuk merakam suara mereka, baik semasa kecil mahupun sudah dewasa, tentulah berdasarkan kepada bakat dan kebolehan mereka menjuarai Pertandingan Bintang Kecil RTB selain dari pertandingan-pertandingan yang lainnya.

Kepada adik-adik yang berumur enam hingga dua belas tahun dan cukup syarat-syarat yang dikehendaki, dapatkanlah borang penyertaan dan sertailah Pertandingan Bintang Kecil 1987. Cubalah bakat yang mungkin ada pada diri adik-adik, siapa tahu tuah beserta adik-adik dan dapat menjuarainya. Kata orang, tuah ayam nampak di kaki, tapi tuah adik-adik mungkin pada bakat. Selamat mencuba dan selamat bertanding.



Noel Yong Yit Hau



Yusof Haji Abdul Kadir



Aminah Omar



Hjh Suria Haji Manggong

## Tetamu Radio

HARI Ahad 2 November, 1986 jam 4.30 petang awda akan berpeluang mengikuti temuabual kami bersama seorang lagi penyanyi yang popular di tahun enam puluhan dulu — Saudara M. Ishak. Ulangan TETAMU RADIO akan ke udara pada hari Rabu jam 2.00 petang.

## PERTANDINGAN TALENTIME 1986

DALAM rancangan yang ketiga, yang akan disiarkan melalui Perkhidmatan Inggeris, RTB pada hari Ahad 2 November, 1986 jam 11.00 pagi, seramai enam orang peserta lagi akan memperdengarkan nyanyian masing-masing.

Rancangan ini juga akan diulang siarannya pada hari yang sama jam 8.00 malam. Peserta-peserta yang telah melayakkan diri memasuki peringkat separuh akhir ialah :

1. Yusof Haji Abdul Kadir (I can't wait until tomorrow)
2. Dk Mahani Pg Mahari (Caravan)
3. Noel Yong Yit Hau (Everything must change)
4. Aminah Omar (Alone again)
5. Bahrain Haji Abu Bakar (Babe)
6. Hjh Suria Haji Manggong (La isla bonita)

## *Sandiwara Radio Minggu Ini: 'PULANG'*

MINGGU ini Sandiwara Radio akan diisikan dengan sebuah kisah yang diberi judul 'PULANG,' tulisan Yusuf Hassan, Limbang Sarawak.

Penulis mengemukakan tentang perasaan seorang anak muda yang terkandas cita-citanya melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi seperti yang dicapai oleh kakaknya.

Semua itu tidak mungkin terjadi kerana ibunya tidak mampu untuk membiayai persekolahannya. Dengan kelulusan yang rendah itu, ia sangat sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan jiwanya.

Di sebabkan itu, Azman menuduh ibunya pilih kasih dan lebih memberatkan kasih sayangnya terhadap kakaknya. Tanpa berfikir lebih panjang lagi, ia lari meninggalkan rumah dan ibunya. Apabila perkara ini sampai ke pengetahuan kakaknya Idah, Idah bertekad hendak melakukan sesuatu agar adiknya kembali semula kepada mereka.

Azman berkeras tidak mahu kembali ke rumah, walaupun ia sendiri merasa rindu untuk bertemu ibu dan kakaknya. Sehinggalah satu hari ia menemui kemalangan jala raya. Murad, pemandu kereta yang melanggar Azman itu tidak lari dari tanggungjawabnya dan mengendalikan perawatan Azman seterusnya bersama dengan anaknya Mariah.

Dengan kemampuan yang ada padanya, Murad kemudiannya memberi perangsang agar Azman meneruskan pengajiannya yang terkandas itu bersama Maria dengan menghadiri kelas malam.

Bersediakah Azman menerima tawaran itu? Bagaimana pula hubungan dengan keluarganya? Ikutilah cerita ini sepenuhnya nanti melalui siarannya pada 2 November 1986 jam 11.30 pagi.

Sandiwara Radio Minggu Ini adalah terbitan Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.



## 'Siri Komidi'

SEBUAH siri komidi yang menarik yang berkisar di sekitar sebuah pusat membeli-belah yang besar, yang akan dapat awda saksikan tiap-tiap hari Khamis kira-kira jam 10.40 malam.

## *Mari Memasak:*

# SUP SIRIP IKAN YU

BAHAN-BAHANNYA :—

- 1 sudu makan minyak bijan (sesame oil)
- 1 sudu makan minyak masak
- 1 batang daun bawang
- 1 inci halia dicincang
- 4 cendawan kering (direndam dalam air sejuk selama 20 minit, toskan dan dihiris)
- 8 cawan air rebusan ayam
- 4 aun sirip ikan yu kering (direndam selama 1 jam)
- 6 aun udang hidup (dibersihkan)
- 1 sudu besar kicap
- 1 cawan isi ketam
- 1 sudu besar tepung jagung (dicampur 1 sudu makan air rebusan ayam)
- 1 sudu teh lada putih.

CARA MEMBUATNYA :—

1. Panaskan minyak dalam periuk, goreng daun bawang, halia, cendawan selama 5 minit.
2. Masukkan 4 cawan air rebusan ayam, sirip ikan dan masaklah hingga mendidih. Kecilkan api, biarkan selama 10 minit.
3. Masukkan isi ketam, udang, kicap, garam dan serbuk lada putih.
4. Masukkan lagi air rebusan ayam yang lebih tadi.
5. Tuangkan air tepung jagung yang sudah dicampur dengan air rebusan ayam tadi kemudian kacau perlahan-lahan dan masak lagi hingga mendidih.
6. Kecilkan api dan masaklah sup ini selama 10 minit.
7. Hidangkan ketika masih panas.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 29 OKTOBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 THE ELECTRIC COMPANY

5.00 WILD SOUTH: "Song Of Protest"
Kebanyakan hutan-hutan di New Zealand telah hapus bersama-sama dengan burung-burung yang membiak di sana. Kakako seekor burung yang cantik masih lagi boleh didapati. Keadaan hidup burung yang sukar untuk dimengerti ini boleh dilihat buat pertama kali.

5.25 MAGICAL WORLD OF GIGI

5.45 RINGKASAN BERITA

5.50 SILVER SPOON

6.03 AZAN MAGHRIB

6.09 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA

6.30 TAHUKAH AWDA

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.14 AZAN ISYAK

7.18 SHADOW CHASERS:
"Many Lives Of Jonathan"
Ahli saintis Jonathan McKensie dan rakannya seorang pemberita, Benny Benedek mendapati penyelidikan mereka sampai kepada sebuah hotel yang telah hangus dan berpuaka, keadaan menjadi rumit apabila personaliti Jonathan boleh bertukar menjadi tujuh watak orang yang nahas dalam kebakaran tersebut.

8.15 WARTA BERITA

8.40 BIMBINGAN ISLAM

8.50 LIPUTAN NASIONAL

9.20 ADUNIKA

9.50 THE BENNY HILL SHOW

10.15 1986 POT BLACK

10.40 DYNASTY: "Souvenirs"
Seorang pemberita yang diarahkan oleh Alexis telah menyebabkan fikiran Krystle terganggu dan Fallon pula kembali dengan menyembunyikan satu rahsia. Sementara itu Amanda memutuskan untuk bercerai dengan Michael.

11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 30 OKTOBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 SESAME STREET

5.25 THE JETSONS: "Winner Takes" All"

5.45 RINGKASAN BERITA

5.50 MARI BERCERITA: "Burung Merak Dan Burung Gagak (ulangan)

6.03 AZAN MAGHRIB

6.09 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA

6.19 THE ART CHEST: "Wet Chalk"

6.35 BERENSTAIN BEARS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.14 AZAN ISYAK

7.18 THE FALL GUY:
"The Bigger They Are"
Liz Arquette dan anak lelakinya yang berusia 15 tahun bernama Phil sedang menyaksikan pertunjukan stunt yang dibuat oleh Colt. Suami Liz juga seorang stunt dan kawan baik Colt. Sejak kematiannya, Phil selalu berkeadaan tidak menentu. Liz mencurahkan rasa risaunya kepada Colt, siapa yang bercadang untuk membawa Phil ke dewan permainan di mana ia boleh belajar cara-cara mempertahankan diri dan menghindarkan diri dari selalu merasa marah. Apabila sampai saja mereka ke dewan permainan itu, seorang budak punk bernama Billy Wolfe cuba untuk menolak Phil ketepi tetapi Colt mempertahankannya.

8.15 WARTA BERITA

8.40 BIMBINGAN ISLAM

8.50 HIDAYAT

9.20 DUNIA MINGGU INI

9.50 MAGNUM: "Paniolo"
Keluarga adik-beradik, Kenney dan Lynn memperjuangkan ladang ternakan mereka yang mereka warisi dari kedua orang tua mereka yang telah meninggal semasa nahas kapal terbang kepunyaan mereka sendiri. Dalam usaha ini, ada terdapat sekumpulan pencuri lembu yang membuat perniagaan yang menguntungkan hasil dari curian ini. Dan Magnum diminta menolong untuk menghentikan kegiatan jahat ini.

10.40 CHECK IT OUT: "No Security In Security"

11.05 TAYANGAN GAMBAR:
"For Heaven Sake"

12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 31 OKTOBER

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN

12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

12.12 SUSUNAN RANCANGAN

12.15 CERAMAH UGAMA

12.25 HIDAYAT (ulangan)

12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT

12.48 HIDAYAT — sambungan

12.55 MUTIARA

1.25 THE LITTLES: "When Irish Eyes Are Smiling"

1.50 ITALIAN SOCCER

PETANG

2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE

3.05 A WHOLE WORLD OF CHILDREN

3.25 AZAN ASAR

3.28 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan

3.35 AL KISAH: "Arnab Dengan Kambing"

4.00 BENSON: "The Last Man On Earth"

4.25 SUPER SPACE THEATRE:
"Countdown To Disaster" Bhg II.

5.10 ILLUSIONS

5.35 EDISON TWINS: "Survival Of The Fittest"

5.45 RINGKASAN BERITA

5.50 EDISON TWINS — sambungan

6.03 AZAN MAGHRIB

6.09 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA

6.19 HEATHCLIFF

6.40 SPOOKY: "The Danny Robert's Show"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.14 AZAN ISYAK

7.18 TRAPPER JOHN M.D.
"The Wundekind"

8.15 WARTA BERITA

8.40 BIMBINGAN ISLAM

8.50 LIPUTAN NASIONAL

9.20 DRAMA TEMPATAN: "Ragam" Bhg IV

9.50 HOLLYWOOD BEAT (Siri baru)

10.40 DALLAS: "Dire Straits"

11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 1 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 SESAME STREET

5.25 THE LAST FRONTIER

5.45 RINGKASAN BERITA

5.50 THE LAST FRONTIER — sambungan

5.55 FAMILY TIES

6.03 AZAN MAGHRIB

6.09 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA

6.19 FAMILY TIES — sambungan

6.30 THUNDERCATS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.14 AZAN ISYAK

7.18 THE EQUALIZER "Distant Fire"
McCall dalam siri kali ini cuba menyelamatkan nyawa Carla, seorang yang pernah dicintainya tetapi ia tidak dapat membuat Carla mengerti dan faham akan kesungguhan ancaman ke atas keselamatan mereka.

8.15 WARTA BERITA

8.40 BIMBINGAN ISLAM

8.50 LIPUTAN NASIONAL

9.20 BINTANG ASLIRAMA 1986 — PREVIEW

10.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Busana Dalam Mimpi"

11.35 FALCON CREST:
"Collision Course"

12.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

## HARI AHAD 2 NOVEMBER

PAGI

9.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN

9.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

9.12 SUSUNAN RANCANGAN

9.30 DUNGEONS AND DRAGONS (Siri baru)
"Dungeon At The Heart Of Dawn"

9.55 BELIA

10.30 TAYANGAN GAMBAR:
"High Plain Drifter"
Seorang asing telah datang ke sebuah bandar dan menyamar menjadi roh sherif yang telah terbunuh semata-mata untuk membalas dendam atas kematiannya.

TENGAH HARI

12.00 BERITA TENGAH HARI

12.06 AZAN ZUHUR

12.15 RENCANA TEMPATAN (ulangan)

12.35 MUSICAL: ROCK AND THE DOCK: "Marrie Wilson"

1.25 SPORTS

PETANG

2.25 TAYANGAN GAMBAR:
"Terrible Joe Moran"

3.25 AZAN ASAR

3.45 CHALLENGE OF THE GOBOTS:
"Renegade Carnival"

4.10 SHE-RA PRINCESS OF POWER

4.35 DRAMA TEMPATAN: "Ragam" Bhg IV (ulangan)

5.20 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT

5.45 RINGKASAN BERITA

5.50 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan

6.02 AZAN MAGHRIB

6.08 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA

6.18 THE MICRO AT WORK

6.35 DIFFERENT STROKES: "A Champion We Will Go"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.14 AZAN ISYAK

7.18 SIMON AND SIMON:
"The Last Harangue"
Sementara A. J. menjadi pendorong politik dalam pertandingan di dewan majlis bandar raya, Rick menyiasat kes yang menyebabkan penentang A.J. terikat kepada pemabuk dan pembunuhan.

8.15 WARTA BERITA

8.40 BIMBINGAN ISLAM

8.50 MARI MEMASAK: "Sop Sirip Ikan Yu"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan dimuka lain akbar ini)

9.15 HIBURAN TEMPATAN: ANEKARIA

10.10 THE SILK ROAD: "Two Roads To The Pamirs"

10.50 SINS (Siri baru)
Sebuah siri menarik yang begitu berahi dengan hasrat dan keinginan ... dan seorang wanita yang berani untuk membina sebuah kekuasaan besar hingga ke puncak kejayaan. Dalam mengejar cita-citanya, Helene Junot tidak pernah lupa tentang peristiwa yang mengerikan semasa dia masih kanak-kanak lagi di France, di mana ibunya dibunuh, dan tinggallah ia sebagai anak yatim piatu. Dia berniat untuk membayar balik dosa-dosa yang telah dilakukan terhadap keluarganya. Dibintangi oleh Joan Collins dan lain-lain.

11.40 TWILIGHT ZONE

12.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

## HARI ISNIN 3 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 ADVENTURES OF THE GUMNI BEARS

4.55 DOKUMENTARI

5.45 RINGKASAN BERITA

5.50 DOUBLE TROUBLE:
"Bad Chemistry"

6.02 AZAN MAGHRIB

6.08 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA

6.18 DOUBLE TROUBLE — sambungan

6.35 KUIZ RIA

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.14 AZAN ISYAK

7.18 THE A TEAM: "Body Slam"

8.15 WARTA BERITA

8.40 BIMBINGAN ISLAM

8.50 LIPUTAN NASIONAL

9.20 BELIA

9.40 GIVE US A CLUE

10.05 DOCUMENTARY: "Edinburgh Aids"

10.50 TAYANGAN GAMBAR:
"Incident At Crestridge"

12.20 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI SELASA 4 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 KIDS FROM 47A: "The Burglar"
George hanya berumur lapan tahun, dan dalam usia semuda ini dia tidak sepatutnya ditinggalkan seorang diri di rumah, tetapi keadaan telah memaksa untuk berbuat begini. Dan dalam keadaan ini, berbagai-bagai perkara yang menakutkan terjadi ...

4.55 WEBSTER

5.20 MICKEY AND DONALD

5.45 RINGKASAN BERITA

5.50 MARI MEMASAK: "Sop Sirip Ikan Yu" (ulangan)

6.02 AZAN MAGHRIB

6.08 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA

6.30 THE ELEVENTH HOURS: "Rivers"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.14 AZAN ISYAK

7.19 AIRWOLF: "Half Pint"
Fikiran Hawke masih terganggu dengan kehilangan saudara lelakinya dan dia percaya bahawa ia akan menjumpai anak lelaki Saint John.

8.15 WARTA BERITA

8.40 BIMBINGAN ISLAM

8.50 RENCANA TEMPATAN

9.15 ARENA SUKAN

10.15 FULL HOUSE: "Promises, Promises"
Paul selalu mengatakan bahawa kaum lelaki harus menepati janji-janji mereka dan Murray memegang kata-kata Paul itu. Persoalannya sekarang ini, bolehkan Paul memegang kata-katanya? Dan adakah Marsha dan Diana akan terperanjat apabila mengetahui apa yang terdapat difikiran mereka?

10.40 THE COLBYS: "The Pact"

11.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.



PIHAK Shell Brunei kini membina sebuah lagi kemudahan mengumpul minyak dan gas yang baru. Kemudahan tersebut dinamakan Kumpulan Tangki 27 seperti kelihatan di gambar atas yang mana pembinaannya dijangka hampir siap.

# Tangki mengumpul minyak dan gas dibina di Seria

KEMUDAHAN mengumpul minyak dan gas (kumpulan Tangki 27) sedang dibina sebelah timur laut Rumah Sakit Penaga.

Ianya akan menggantikan kumpulan-kumpulan tangki 13, 15 dan 17 yang ada sekarang yang kini sedang mencapai penghujung masa pekerjaannya. Dengan ini akan membolehkan pengumpulan minyak dan gas dari bahagian Padang Seria berterusan dengan efisien dan selamat bagi masa 25 tahun akan datang.

Fungsi asas kumpulan baru sama seperti kumpulan-kumpulan tangki yang ada sekarang di Padang Seria.

* Untuk menyatukan aliran-aliran dari satu kumpulan tangki-tangki supaya gas di dalam cairan telaga boleh dipisahkan secara ekonomi dari minyak.

* Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi menguji telaga-telaga berasingan bagi membolehkan mendapatkan penghasilan yang baik.

Persediaan-persediaan bagi kawasan bagi kumpulan tangki baru bermula tahun lalu tetapi perkembangan pembinaannya hanya dapat dilihat pada awal tahun 1986 apabila pengasing-pengasing kumpulan tangki mula sampai di kawasan pembinaan.

Adalah difahamkan bahawa fasa kerja yang memerlukan sumbangan tenaga yang berat sudah pun berlalu dan penggunaannya sedang bermula.

Semua fasa-fasa pembinaan EPS telah menggunakan strategi pemborongan perkhidmatan Bumiputera — dengan tiga buah kawasan tempat kerja utama diberikan kepada ADM (kerja-kerja sivil), laksamana (mepaip dan mekanikal) dan Zainal Daud (e & I).

Percubaan terakhir bagi kumpulan tangki akan bermula dalam bulan Oktober dan akan berakhir selama bagi satu bulan. Tujuannya ialah untuk menunjukkan kepada para operator yang akan datang dan para pemelihara bahawa loji tersebut berupaya bagi beroperasi keselamatan mengikut keadaan-keadaan rekabentuknya dan pasukan percubaan akan biasanya diambil dari jabatan-jabatan operasi, pemeliharaan, keselamatan dan kejuruteraan.

Rancangan percubaan akan melibatkan satu siri bagi langkah-langkah sistem keselamatan, pembekalan peralatan, minyak ringan dan berat dari Kumpulan Tangki 13, dan saluran-saluran selanjutnya dari kumpulan-kumpulan tangki 15 dan 17 dan sebagainya.




# LOJI PEMAMPAT GAS BARU

SEBUAH loji pemampat gas yang baru telah dibina bertempat di bahagian timur loji memproses di Seria yang ada sekarang.

Pembinaan loji baru ini dihasratkan bagi menggantikan peralatan-peralatan yang sudah tua yang dikuathiri tentang keselamatannya yang sudah tidak terjamin.

Loji gas baru yang diuruskan oleh Kumpulan Projek EPS/5 ini akan mengandungi tiga buah pemampat bertenagakan elektrik lain balas (cica 4 mw setiap satu) masing-masing akan memampat gas dari 35 psig hingga 650 psig (25 mmscfd keupayaan gas satu unit reka), pemampat-pemampat gas baru ini sekarang sedang dalam pembinaan di Itali.

Kemudahan-kemudahan baru ini akan dikendalikan bersalurkan dua buah LP dan Hp 'Solar Centaur' turbin gas yang bertenagakan set-set pemampat pusat empar.

Untuk mengendalikan loji baru ini, sebuah bangunan untuk menempatkan bangunan kawalan dan rumah suis hendaklah dibina. Kedua-dua bangunan ini mempunyai sistem hawa dingin yang tersendiri. Ukuran kesemua bangunan kawalan ini ialah 63 kaki dan 33 kaki dan akan mengandungi bilik kawalan, bilik tambahan, bilik suis, bilik bateri dan sebuah pejabat dan kawasan penggunaan.

Rumah suis yang berukuran 61 kaki dan 18 kaki dibahagikan kepada dua kawasan untuk menempatkan suis-suis gear yang bertenaga tinggi dan rendah. Terdapat juga sebuah yad transformer yang ditempatkan bersebelahan dengan rumah suis yang mempunyai dua 25 MVA dan dua transformer 1600 KVA. Transformer ini sedang dibekalkan dari stesen pengambilan baru yang terletak di Jalan Satu Selatan melalui dua kebal 33 kv.

Kerja-kerja membina bangunan kawalan, rumah suis dan yad transformer bermula bulan Mac 1986 dan dilakukan oleh beberapa pemborong tempatan yang beroperasi di bawah persetujuan kontrak perkhidmatan EPS.

Adalah dijangkakan buat masa ini struktur utama kedua-dua buah bangunan ini telah siap dan pemborong-pemborong khidmat sedang membuat kerja-kerja pemasangan kedua bangunan tersebut iaitu kawat, paip dan membuat lubang bagi alat hawa dingin.

Pemborong-pemborong elektrik telah memasang papan-papan suis dan transformer di antara rumah suis dan bangunan kawalan. Kedua-dua buah bangunan ini dijangka akan siap pada penghujung bulan Disember 1986.



GAMBAR atas memperlihatkan rumah suis dan bilik kawalan.

# Perwakilan dari Universiti British lawat ke sini

LIMA orang perwakilan dari universiti-universiti dan politeknik-politeknik British telah mengadakan lawatan ke negara ini.

Perwakilan-perwakilan itu terdiri dari ahli-ahli pengajian kanan dalam bidang kejuruteraan.

Semasa berada di sini rombongan tersebut telah mengadakan perbincangan mengenai keperluan tenaga manusia dalam bidang kejuruteraan negara ini dengan Jabatan Kerja Raya, Telekom, Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Radio Televisyen Brunei dan Shell Brunei.

Di samping itu mereka juga telah memberikan ceramah dan petunjuk bagi kursus-kursus ijazah dan diploma dalam bidang kejuruteraan di United Kingdom bertempat di Bangunan Peringatan Churchill.

Ketika rombongan mengadakan perbincangan dengan Shell Brunei mereka telah diberikan taklimat oleh Ketua Jabatan-jabatan Perancangan Kakitangan dan Perkembangan, Awang Richard Springett.

Dalam taklimatnya beliau memberitahu bahawa sesi taklimat itu sangat berguna bagi bertukar-tukar penerangan dan di kedua-dua eleman yang berhubungkait dengan latihan bagi rakyat dan rancangan pelajaran dan perkembangan-perkembangan yang terbaru di bidang akademik teknikal di United Kingdom.



AWANG Richard Springett ketika memberikan taklimat kepada perwakilan dari universiti British di Pejabat Suruhanjaya Tinggi British di ibu negara.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan. Negara Brunei Darussalam.

1) PEGAWAI PELAKSANA:

(Bilangan Kod: 109 31–083)
(Di Jabatan Unit Penyalahgunaan Dadah, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)

**Tanggagaji:** C. 3-4 EB. 5 — $1990-2970 sebulan

**Kelayakan:**

a) Higher National Diploma (HND) dalam Pentadbiran Awam atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
b) Berpengalaman bekerja tidak kurang dari 3 tahun adalah diutamakan.
c) Berpengalaman dalam bidang teknologi pendidikan atau sebarang am merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Pegawai Pelaksana yang berjaya adalah dikehendaki (antara lain) bekerja rapat dengan Pegawai Pendidikan/Penerangan Unit Penyalahgunaan Dadah. Dia hendaklah boleh menjalankan tugas-tugasnya tanpa penyeliaan dan sebaik-baiknya dia mampu mengurus persediaan-persediaan yang berkenaan dengan persembahan sebaran am kepada orang ramai sejajar dengan dasar dan matlamat yang akan ditentukan dari masa ke semasa.

2) PENOLONG PEGAWAI PEPERIKSAAN:

(Bilangan Kod: 088 31–060)
(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji:** G. 5. — $1485–$2155 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Sijil Kursus 'A' Maktab Perguruan Ugama.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Guru Ugama tidak kurang dari enam tahun.

ATAU

Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Guru Ugama tidak kurang dari 10 tahun.

b) Pernah mengikuti kursus khas bagi peperiksaan luar atau dalam negeri.
c) Berpengalaman yang luas dalam pekerjaan dan pentadbiran peperiksaan-peperiksaan yang dikelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.
d) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon. yang mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Arab.

**Tugas-tugas:**

Menolong Pegawai Peperiksaan mengendalikan peperiksaan berikut:

i) Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (Darjah VI) dan Sijil Pelajaran Ugama, Brunei temasuk:—
a) Pendaftaran calon.
b) Memproses soalan-soalan.
c) Memproses pemarkah-pemarkah Bacaan Al-Quran/Lisan dan perperiksaan bertulis.
d) Memproses kertas-kertas jawapan untuk di markah.
e) Memproses markah-markah peperiksaan untuk dibawa ke Lembaga
f) Memproses keputusan peperiksaan.
g) Memproses sijil calon-calon.

ii) Peperiksaan Setengah Tahun dan Akhir Tahun Sekolah Rendah Ugama, Brunei:—
a) Memproses dan menyemak soalan-soalan yang telah disediakan oleh penyedia soalan.
b) Mengumpul dan memproses analisa-analisa keputusan Peperiksaan Sekolah-sekolah Rendah Ugama.

iii) Peperiksaan calon ke Sekolah Menengah Arab:—
a) Menyediakan dan memproses hal-hal yang bersangkutan dengan peperiksaan tersebut termasuklah memproses soalan-soalan dan markah keputusan
b) Mengawasi peralatan-peralatan peperiksaan.

3) PENOLONG PEGAWAI PROJEK:

(Bilangan Kod: 012 09–044)
(Di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan)

**Tanggagaji:** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Higher National Diploma dalam Business Studies atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun.
ii) Lulus dalam peperiksaan Simpan Kira-kira dan Pengurusan Perniagaan (Business Management).

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Membantu kerja-kerja memproses dan menganalisa projek-projek yang akan ditentukan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan.
b) Melawat ke tempat-tempat projek perusahaan atau perniagaan seperti yang diarahkan dan seterusnya menyediakan laporan perkembangan projek tersebut.
c) Bersedia memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada peniaga-peniaga bumiputera dalam bidang perakaunan perniagaan.

4) PENOLONG PENGUASA KOLAM RENANG:

(Bilangan Kod: 098 70–129)
(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** C. 1 EB. 2 — $1280-$1930 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur 25 tahun ke atas.
b) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
c) i) Dua mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 5 tahun.
d) Bronze Medallion of Royal Life Saving Society. London.
e) R.L.S.S. Teacher's Certificate, United Kingdom.
f) Approved Examiner Certificate (Personnel Survival) A.S.A., United Kingdom.
g) Tubuh badan yang sesuai dan seorang perenang yang baik.
h) Berpengalaman dalam bidang menyampur kimia dan rawatan air, pembaikan jentera dan sebagainya.

5) PEGAWAI PENYELIDIK KANAN:

(Bilangan Kod: 056-19–512)
(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Higher National Diploma (HND) dalam pengajian Bahasa dan Kesusasteraan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan.
ii) Mahir menguasai Bahasa Melayu, tulisan Jawi, (membaca dan menulis) serta berpengalaman asas bahasa lain.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan/kerjaya penyelidikan di Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun.
ii) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan (termasuk Bahasa Melayu atau Kesusasteraan Melayu) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

6) REPROGRAFER: (Bilangan Kod: 041 16–192)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan

**Kelayakan:**

a) i) 'Advanced Photographic Laboratory Technician Certificate' atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam mengendalikan process camera, rectifier-enlarger dan membuat kerja-kerja reprographic merupakan kelebihan.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 5 tahun.
ii) Berpengalaman dalam mengendalikan process camera dan rectifier-enlarger serta kerja-kerja reprographic yang berkaitan.
iii) Mempunyai kelulusan satu (1) mata pelajaran Sains atau Matematik di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Memaikerofilem bahan-bahan yang telah dipilih dan maikerofilem-maikerofilem ini adalah dianggap dan disimpan sebagai Master Negatf Maikerofilem.
b) Membuat kerja-kerja penyalinan dari Master Negatif Maikerofilem untuk kegunaan penyelidik-penyelidik.
c) Memproses Moikerofilem yang telah siap diexpose di alat 'processor'.
d) Memelihara dan mencuci maikerofilem-maikeroflem yang ada dalam simpanan setiap 6 bulan sekali.
e) Menyediakan kimia untuk memproses maikerofilem serta menentukan suhu yang sesuai untuk menjalankan 'proses'.
f) Merangka perbelanjaan untuk membeli maikerofilem kosong dan membuat laporan tahunan untuk ketua bahagian.

7) PENYEDIA KERTAS KERJA:

(Bilangan Kod: 052 30–090)
(Di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam menyediakan kertas-kertas kerja menyuarat tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

b) i) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam menyediakan kertas-kertas kerja mesyuarat tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam menyediakan kertas-kertas kerja mesyuarat tidak kurang dari 7 tahun.
d) Mempunyai Sijil Menaip merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Mengumpul keterangan-keterangan dan maklumat-marlumat yang diperlukan sebelum memproses kertas kerja bagi permohonan-permohonan yang perlu dihadapkan ke Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.
b) Menyediakan dan Menaip Rang Kertas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet bagi permohonan-permohonan tersebut.
c) Menyemak dan meneliti Rang kertas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet sebelum dihadapkan ke Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.
d) Melayan soalan-soalan yang dikemukakan oleh orang ramai.
e) Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dari masa ke samasa.

**Am:**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 Disember, 1986.
( E/1787/86 )
Bilangan Pendaftaran: 133/1986

## Sebagai Pegawai Jurutera Laut, di Jabatan Laut

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PEGAWAI JURUTERA LAUT di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.
( Bilangan Kod: 060 04 — 320 ).

**Kelayakan:**

**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $2270-4240 sebulan.

a) Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Mekanikal/Marine Engineering atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
b) Sijil Kecekapan sebagai Jurutera Kelas Satu (1) 'Steam dan Motor'.
c) Berpengalaman yang luas dalam membaiki dan pemeliharaan injin dan mesin kapal, injin kereta, alat pelayaran, perahu kecil dan injin motosangkut.
d) Pengetahuan dalam membuat dan membina kapal dan binaan laut.
e) Boleh bertutur dan menulis Bahasa Melayu merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Mengetuai Bahagian Rawatan Jabatan Laut dalam memelihara dan membaiki injin dan mesin kapal, injin kereta, alat pelayaran, perahu kecil, injin motosangkut dan pemasangan elektrik kapal. Memesan alat-ganti seperti dikehendaki.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertaklok kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 Disember, 1986.

( E/74/72 )

( Bilangan Pendaftaran: 137/1986 ).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) TUKANG PAIP AIR TINGKAT I:

(Bilangon Kod: 059 87–105)

(Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan)

**Tanggagaji:** D 3 EB 4 — $900-$1465 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) City and Guilds pemasangan paip dari Maktab Teknikal atau kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf.

ii) Lima tahun pengalaman dalam pemasangan dari penyelenggaraan paip-paip air, alat-alat dan kelengkapan sistem pengaliran, sistem air panas dan sistem-sistem bekalan air dan saluran najis.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan Tukang Paip Air tidak kurang dari tujuh tahun.

2) PENGAWAS BENGKEL:

(Bilangan Kod: 027 70–001)

(Di Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

**Tanggagaji:** D. 4 EB. 5 — $1225-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Certificate atau Diploma dalam Automobile atau kelulusan yang bersesuaian sebanding dengannya.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dalam Bahagian IV tidak kurang dari lima tahun.

ii) Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam memperbaiki kerosakan jentera berat dan ringan.

iii) Berpengalaman yang luas dalam menjaga pekerja-pekerja, mengatur sesebuah bengkel serta berkemahiran dalam mencari alat-alat ganti.

b) Umur dalam 20 hingga 45 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Memelihara jentera-jentera dan harta benda kepunyaan Kerajaan supaya sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan serta sempurna dan berhati-hati dan juga dikehendaki mengawasi pekerja-pekerja di bawah jagaannya.

3) TUKANG LUKIS: (Bilangan Kod: 009 03–296)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Mata Pelajaran Lukisan Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei (termasuk lulus mata pelajaran lukisan) atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman sebagai Tukang Pelan atau yang sebanding dengannya di Jabatan-Jabatan Kerajaan atau swasta tidak kurang dari lima tahun.

b) Berkebolehan dalam lukisan teknikal adalah diperlukan.

c) Telah menamatkan kursus pertukangan kayu dan tanggam (Carpentry and Joinery) merupakan satu kelebihan.

**Lain-lain Syarat:**

Calon-calon akan dikenakan ujian praktikal lukisan teknikal.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Bertanggungjawab kepada Tukani Lukis Kanan dan membantu beliau dalam kerja-kerja melukis semua pelan yang kurang sesuai dan yang tidak lengkap. Menyediakan pelan-pelan bagi set-set yang ada dalam simpanan. Juga membuat pelan yang dikehendaki bila-bila masa.

4) PENOLONG PEREKA RENDAH:

(Bilangan Kod: 009 16–266)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Lulus mata pelajaran Lukisan Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.

b) Satu ujian akan dijalankan oleh Jabatan ini untuk menentukan kelayakan calon-calon bagi jawatan ini tan ini.

5) PENYELIA LINEN DAN DOBI:

(Bilangan Kod: 062 56–020)

(Di Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)

**Tanggagaji:** D. 3-4 EB. 5-6 — $900-$1785 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja penyeliaan linen dan dobi tidak kurang dari lima tahun.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan tidak kurang dari 10 tahun.

ii) Berpengalaman dalam menyediakan mesin-mesin cuci yang kuat sehingga 200 lbs dan tahu membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang ada sangkut paut dengan mesin-mesin cuci dan mesin-mesin roller.

b) Berpengalaman dalam urusan dobi dan pengurusan pekerja-pekerja adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Akan diaturkan pada mengawas di bahagian dobi Rumah Sakit dan menolong tugas-tugas Penolong Pengurus Dobi.

b) Menolong mengaturkan dan mengawasi kakitangan dobi.

c) Membuat jadual kerja.

d) Membuat rekod dan mencatat kain-kain keluar masuk.

e) Mengawasi mesin-mesin cuci sentiasa dalam keadaan baik untuk digunakan.

f) Menolong membuat laporan kerosakan-kerosakan mesin dan sebagainya.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam du salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 8 Disember, 1986.

Bilangan Pendaftaran: 141/1986.

(E/1702/77)

---

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. KERANI SULIT/ JURUTAIP:

(Bilangan Kod: 000 32 — 122).

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) 4 mata pelajaran peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Lanjutan.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Jurutrengkas tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Berpengalaman yang luas dan kebolehan yang istimewa melaksanakan tugas-tugas Kesetiausahaan.

b) Boleh mencatat trengkas dalam Bahasa Inggeris dan Melayu (80 — 100 psm).

c) Berpengalaman dalam kerja-kerja filing dan Peraturan Pejabat merupakan satu kelebihan.

d) Boleh menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Melayu adalah diberi keutamaan.

**Lain-lain Syarat:**

i) Mereka yang hanya boleh mencatat trengkas Inggeris mestilah memperolehi Sijil Trengkas Melayu (80 — 100 psm) dalam tempoh percubaan mereka sesudah itu barulah mereka boleh ditetapkan dalam jawatan. Begitu juga mereka yang hanya boleh mencatat trengkas Melayu mestilah memperolehi Sijil Trengkas Inggeris dalam tempoh percubaan mereka.

ii) Pemohon-pemohon akan dikehendaki menjalani ujian kepantasan trengkas dan menaip.

2. KERANI TINGKAT III:

(Bilangan Kod: 000 39 — 310).

**Tanggagaji:** D. 1-2-3 EB 4-5 $530-$1.625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian IV atau V atau dalam perkhidmatan bergaji hari.

ii) Lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

iii) Lulus Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah Kerajaan.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pelayan tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Lulus Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah.

iii) Telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

b) Mereka yang mempunyai Sijil Menaip dan Trengkas adalah diberikan keutamaan.

c) Berumur 18 tahun keatas.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang pemohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 Disember, 1986.

(E/6/76).

(Bilangan Pendaftaran: 110/1986).

---

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. POSMEN:

(Bilangan Kod: 074 37 — 034).

(Di Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan).

**Tanggagaji:** F.2-3-4-5 EB. 6 — $495-$790 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Berpengalaman bekerja dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun.

ii) Kelulusan akedemik (tahu menulis dan membaca) dengan baik.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas satu (I) atau III yang sah dan/atau boleh memandu motosangkut diberikan keutamaan.

d) Mempunyai lesen memandu Kelas V yang sah merupakan satu kelebihan.

e) Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris (Sijil Rendah Pelajaran Brunei) serta boleh membaca tulisan China adalah satu kelebihan.

2. PENJAGA KILANG NAJIS:

(Bilangan Kod: 028 96 — 990).

(Di Jabatan Pelajaran dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan).

**Tanggagaji:** F. 3-4-5 EB. 6 — $550-790 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun.

b) Lulus Darjah III Melayu atau yang sebanding dengannya.

c) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penjaga merupakan satu kelebihan.

**Am:**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jabatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 Disember, 1986.

(E/322/62)

(Bilangan Pendaftaran: 139/1986).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) JURUTEKNIK MAKMAL/PERCUBAAN

(Bilangan Kod: 062 05–436)

(Di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)

**Tanggagagji**: M. 3 — $570-$855 sebulan.

ATAU

M. 4-5 EB. 6 — $930-1850 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Tiga mata pelajaran termasuk mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sijil Peperiksaan Pembantu Makmal.
   ii) Satu mata pelajaran Sains/Matematik Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

c) Mendapat kepujian dalam mata-mata pelajaran Sains, Ilmu Hisab atau Inggeris adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Teknologi Makmal Perubatan meliputi penganalisaan dan kajian terhadap tisu-tisu dan bendalir manusia yang bersangkut-paut dengan bermacam jenis penyakit. Sebahagian besar dan berbagai-bagai ujian dan pemeriksaan dijalankan di makmal hospital supaya mendapatkan maklumat untuk membantu dalam menentukan penyakit dan rawatan pesakit-pesakit dan mencegah wabak penyakit di dalam kelompok masyarakat. Ujian juga dilaksanakan terhadap barang makanan dan air untuk menilai kesesuaiannya untuk dimakan dan diminum, sementara makmal 'forensic' menyediakan bukti bagi digunakan oleh pihak polis.

**Latihan :**

Satu kursus latihan selama 3 tahun akan dikelolakan bersama oleh Makmal Negara dan Maktab Teknikal Sultan Saiful Rijal 2 hari dalam seminggu menghadiri kuliah di M.T.S.S.R., sementara masa selebihnya menjalani kursus latihan dalam perkhidmatan di Makmal Negara. Pelajar-pelajar pang berjaya menamatkan kursus tersebut akan dianugerahkan Sijil Kebangsaan dalam Sains.

**Lain-lain Syarat :**

Terdapat 4 buah makmal perubatan di Negara Brunei Darussalam di mana kakitangan teknikal akan ditempatkan setelah berjaya menamatkan kursus Sijil Kebangsaan dalam Sains. Kakitangan digalakkan untuk melanjutkan pelajaran dan latihan mereka dan mendapat prospek yang baik untuk dinaikkan pangkat ke jawatan-jawatan teknikal yang lebih kanan.

2) PEMBANTU TEKNIK:

(Bilangan Kod: 036 03–393)

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Satu (1) mata pelajaran (Matematik atau Fizik) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) City and Guilds Intermediate Certificate dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 3 tahun.
   ii) Berpengalaman dalam cawangan-cawangan kerja elektrik atau mekanikal termasuk kerja-kerja rekabentuk dan pemeliharaan alat-alat elektrik dan mekanikal.

**Tugas-tugas :**

Membantu Pembantu Teknik Kanan dalam kerja-kerja penyelenggaraan biasa terhadap alat-alat elektrik dan mekanikal termasuklah membuat kerja-kerja membaiki dan mengubahsuai alat-alat kelengkapan, mendawai dan membantu dalam kerja-kerja pemasangan.

3) PENYELIA TELEFON TINGKAT II:

(Bilangan Kod: 059 38–028)

(Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan)

**Tanggagaji :** D. 2-3 EB. 4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Empat mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Telefon Operator atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.
   ii) Mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya merupakan kelebihan.

4) PEMBANTU PEGAWAI PERKAMUSAN:

(Bilangan Kod: 056 19–510)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Tiga mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya
b) Mempunyai pengetahuan yang baik tentang perbendaharaan kata Melayu Brunei.
c) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik dan mengetahui beberapa loghat yang terdapat di Negara Brunei Darussalam adalah diutamakan.

5) PENOLONG PENERBIT TINGKAT II:

(Bilangan Kod: 009 17–452)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Dua mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya
b) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
c) i) Mempunyai mutu suara yang sesuai untuk Radio (pemohon-pemohon akan dikehendaki menjalani ujian suara di RTB).

ATAU

   ii) Mempunyai kecenderungan dalam penerbitan TV dan kelakuan ramah-tamah.
d) Pengetahuan dalam beberapa aspek rancangan, Radio dan Televisyen Brunei seperti muzik, drama atau hal-ehwal semasa dan penerbitan rancangan.
e) Berpengalaman sebagai Pembantu dalam Penerbitan sambilan merupakan satu kelebihan.

i) **Tugas-tugas dan Tanggungjawab (Radio)**
Membuat tugas-tugas juruhebah continuity sambil mempelajari teknik-teknik penerbitan radio dan penggunaan mikrofon. Membantu dalam apa-apa cara yang mungkin diperlukan dalam penerbitan dan penyampaian rancangan-rancangan radio.

ii) Tugas-tugas dan Tanggungjawab (Televisyen)
Membuat kerja-kerja di bidang penerbitan rancangan-rancangan televisyen seperti perhubungan dengan artis-artis, menaip skrip, pembayaran, membuat tempahan, keluar bagi rakaman dengan penerbit jika diperlukan, mengikut 'Planning Meeting' dan mencatat perkara-perkara yang perlu. Bertugas dengan Penerbit/Pengarah di Gallery Studio atau Unit Siaran Luar.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 Disember, 1986.

( E/207/60/3 )

Bilangan Pendaftaran: 136/1986.

## SEBAGAI JURU X-RAY

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai JURU X-RAY di Jabatan Perhidmatan-Perkhidmat Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

( Bilangan Kod : 062 07 — 712 ).

**Tanggagaji :** M.11—$1920-$3250 sebulan.

**Kelayakan :**

a) 'Diploma of The College of Radiographers, United Kingdom' atau yang sebanding dengannya.
b) Berpengalaman dalam 'General Radiography' tidak kurang dari 2 tahun selepas lulus (terlatih).

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Mengendalikan kerja-kerja di bidang 'Routine dan General Radiography' termasuk 'Barium Meal', Barium Enema', I.V. Cholangiogram, I.V.P., dan lain-lain.
b) Bertugas secara 'ON CALL' di luar waktu-waktu pejabat dan pada hari-hari kelepasan awam.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga bayar (tertaklok kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod dj dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Disember, 1986.

( E/1095/77 )

( Bilangan Pendaftaran : 145/1986 ).

## Sebagai Tukang Elektrik Tingkat Khas

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TUKANG ELEKTRIK TINGKAT KHAS di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

( Bilangan Kod : 059 85 — 511 ).

**Tanggagaji :** D. 4 EB. 5 — $1225-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) City & Guilds "Kursus A dalam kerja-kerja Pemasangan Letrik'" atau sebanding dengannya.
b) Berpengalaman memasang dan menyelenggara dalam kerja-kerja pemasangan letrik dalam bangunan tidak kurang dari 6 tahun.
c) Berpengalaman mengawas pekerja-pekerja yang membuat kerja-kerja seperti di (b) atas adalah satu kelebihan.
d) Umur antara 25 hingga 45 tahun.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertaklok kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 11 Disember, 1986.

( E/2250/81 )

( Bilangan Pendaftaran : 142/1986 ).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEGAWAI PARIT DAN TALIAIR:
(Bilangan Kod: 004 02-259)
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)
**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur di antara 30 hingga 50 tahun.
b) Ijazah Sarjana Muda Sains dalam kejuruteraan parit dan taliair atau pengurusan air atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
c) Pengalaman latihan dalam pengkhususan di bidang kerja-kerja parit dan taliair tidak kurang dari tiga tahun.
d) Berpengalaman dalam rancangan parit dan taliair, terutamanya yang bersangkut paut dengan penanaman padi secara besaran adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Bertanggungjawab kepada Ketua Unit Rancangan Rancangan Padi.
b) Boleh menyediakan catatan, dan rekod-rekod tertentu, melakukan pengukuran tanah dan kerja-kerja merata, membaiki dan mengubah suai serta pemeliharaan rancangan.
c) Melakukan pengawasan kakitangan dan perancangan serta susunan pekerja dan pekerjaan mengikut keutamaan.
d) Menjaga keselamatan ke atas alat-alat di bawah jagaannya.

2) JURUTERA PENGAWAS:
(Bilangan Kod: 009 02-391)
(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)
**Tanggagaji:** B. 3 — $3880-$4240 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Elektronik, Komunikasi atau Elektrik atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
b) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Jurutera dalam bidang Kejuruteraan Penyiaran tidak kurang dari 5 tahun.
c) Mempunyai kelulusan Profesional seperti MIERE, MIEE atau yang seumpamanya di sebuah Institusi antarabangsa yang diiktiraf merupakan satu kelebihan.
d) Telah menjalani latihan vokesyenal yang bersesuaian dalam peralatan yang mereka kendalikan berserta dengan latihan penyiaran umum di peringkat lanjutan seperti mana yang diberikan di pusat-pusat latihan Pertubuhan-Pertubuhan Penyiaran seberang laut yang besar.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Jurutera Pengawas akan mengetuai bahagian teknikal Radio Televisyen Brunei misalnya:—

Stesen-stesen Pemancar Radio
Stesen-stesen Pemancar TV/FM
Siaran-siaran Luar
Siaran Flem dan Rakaman TV
Studio-studio TV, dan lain-lain.

Jurutera Pengawas adalah bertanggungjawab kepada Jurutera penguasa bagi pengurusan operasi dan pemeliharaan di bahagian di mana dia ditugaskan. Meskipun sebahagian besar tanggungjawab Jurutera Pengawas adalah pentadbiran, dia juga dikehendaki mengambil peranan aktif dalam mengendalikan penerimaan dan pemeriksaan awal perkakas baru, dan pemeliharaan peralatan di bawah kawalannya serta juga latihan kakitangannya. Tahap pemeliharaan, mutu hasil perkhidmatan, penggunaan kakitangan perancangan tenaga kerja dan peralatan adalah juga terkandung dalam tugas-tugasnya.

3) PEGAWAI PELAJARAN KESIHATAN:
(Bilangan Kod: 062 07-985)
(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)
**Tanggagaji:** B. 2 EB.3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

i) Diploma dalam Pendidikan Kesihatan atau kelulusan dalam bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja Pendidikan Kesihatan tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ketua Merinyu Kesihatan/Merinyu Kesihatan Kanan tidak kurang dari lima tahun.
ii) Telah ditetapkan dalam jawatan.
iii) Mempunyai Diploma dalam Pendidikan Kesihatan adalah diutamakan.

b) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas-tugas:**

Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di Unit Pendidikan Kesihatan di bawah arahan Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan.

a) Dikehendaki menyusun dan menyelaras semua kegiatan Pendidikan Kesihatan di seluruh negara di bawah bimbingan dan pengawasan Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan dengan dibantu oleh Pegawai Perubatan Daerah.
b) Bertanggungjawab untuk menganjurkan Minggu Kesihatan Kebangsaan dan lain-lain kempen yang berhubung dengan Pendidikan Kesihatan dan Kesihatan Sedunia.
c) Dikehendaki membantu unit latihan dalam menjalankan kursus-kursus permulaan jangka pendek, bengkel dan seminar.
d) Bertanggungjawab bagi latihan dan mengerahkan semua kakitangan Pendidikan Kesihatan dalam Penjagaan Utama Kesihatan dalam pendekatan untuk perlaksanaan Rancangan Pendidikan Kesihatan.
e) Bertanggungjawab bagi latihan pekerja-pekerja luar kesihatan di dalam masyarakat.
f) Dikehendaki menjalankan kelas-kelas pembelajaran secara tetap di Institiut Teknologi Brunei untuk guru-guru pelatih. Dikehendaki menjalankan sebuah pusat di mana nasihat, alat pandang, alat kelengkapan dan bahan-bahan sedia terdapat, dan sebuah bengkel untuk penghasilan poster, risalah dan lain-lain bahan Pendidikan Kesihatan secara terus-menerus.
g) Akan dikehendaki mengeluarkan risalah mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan kesihatan.
h) Lain-lain tugas seperti diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan.

4) PEGAWAI HAIWAN: (Bilangan Kod: 004 06-511)
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)
**Tanggagaji:** B. 2 EB.3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Ijazah dalam veterinary atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya yang diiktiraf.
b) Post Graduate dalam Tropical Veterinary Medicine, Animal Health atau Animal Husbandry/Meat inspection adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Menjaga kesihatan binatang dan kerja-kerja pengawalan penyakit. Pengawalan penyakit yang melarat dan berjangkit bagi semua jenis ternakan. Pencegahan dan pengubatan bagi semua jenis ternakan.
b) Pengesahan terakhir dari pemeriksaan contoh (specimen) di Makmal Diagnostik Haiwan.
c) Pengawasan profesional terhadap pemeriksa-pemeriksa daging yang menjalankan kerja-kerja pemeriksaan daging di Pusat Penyembelihan.
d) Pengawasan dan pentadbiran kakitangan Haiwan dan tugas-tugas mereka.

5) JURUEKOPERTANIAN:
(Bilangan Kod: 004 05-320)
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)
**Tanggagaji:** B. 2 EB.3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Umur di antara 25 tahun hingga 50 tahun.
b) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (dalam jurusan Agronomi) atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
c) Berpengalaman dalam penyelidikan padi tidak kurang dari 3 tahun.
d) Mempunyai Ijazah Sarjana (M.Sc) atau Doktor Falsafah (Ph. D) Penyelidikan dalam jurusan padi bahagian Agronomi Permakanan (Nutrition) adalah diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Membantu dan menjalankan tugas-tugas Ketua Unit semasa ketiadaannya jika diarahkan.
b) Menjalankan penyelidikan mengenai "Agronomic and Nutritional Aspects of Rice" bagi jenis-jenis tempatan dan jenis-jenis yang didatangkan dari luar negeri.
c) Bertanggungjawab untuk memberi bimbingan atau kursus-kursus kepada pegawai-pegawai rendah, jika diarahkan.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain raripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk kanak-kanak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 29 November, 1986.
(E/882/85)
Bilangan Pendaftaran: 129/1986

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENTERJEMAH INGGERIS/MELAYU:
(Bilangan Kod: 000 19 — 536)
**Tanggagaji:** D. 3 EB.4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran aliran Inggeris atau yang sebanding dengannya termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu.
b) Pengetahuan Jawi adalah satu kelebihan.

2. PENTERJEMAH KANAN:
(Bilangan Kod: 000 19 — 531)
**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa (termasuk Bahasa Inggeris dan Melayu).
b) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penterjemah tidak kurang dari 5 tahun.
c) Boleh membaca dan menulis Jawi adalah diutamakan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jabatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 November, 1986.
(Bilangan Pendaftaran: 118/1986).
(E/273/62/2)

## JUALAN LELONG

ADALAH dengan ini diberi Notis iaitu jualan lelong barang-barang akan diadakan pada tarikh dan tempat yang tersebut di bawah:

| Bil.: | Butir-butir Keterangan Benda | Tempat Lelong | Tarikh dan Masa Lelong |
|---|---|---|---|
| 1. | Harta benda tidak bertuan yang tidak dituntut. | Di Balai Polis, Daerah Brunei, BSB. | 6 November, 1986 jam 9.00 pagi. |
| 2. | Barang-barang kemas | | |
| 3. | Kereta | | |
| 4. | Kereta-kereta polis | Di Balai Polis Perpindahan Berakas. | 8 November, 1986 Jam 9.00 pagi. |

### JADUAL

Lelongan ini adalah bersyarat berikut:—

1. Pembeli yang berjaya hendaklah membayar dengan wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibelinya tidak lewat dari tujuh hari dari hari perlelongan.
2. Pembeli yang berjaya hendaklah juga membayar cukai kastam jika perlu.
3. Apa-apa barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh hari tersebut akan dirampas kembali dan dijual semula.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 397 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AR507/2000
MEMBAIKI JALAN-JALAN RAYA DI KAWASAN KAMPUNG — JALAN MADANG/TILONG, JALAN MANGGIS SATU, JALAN MANGGIS DUA, JALAN SERUSOP DAN JALAN SUNGAI AKAR LAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 3 November, 1986.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 398 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/17600
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN PENANAMAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN DI BAWAH PENGGAL KONTRAK UNTUK SATU TAHUN KEPADA JABATAN KERJA RAYA DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 3 November, 1986.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 399 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/11201
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU KUARI GRANIT KE PADANG PERMAINAN GOLF PANTAI MENTIRI, BATU 11, JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 30 Oktober, 1986.

Tarikh tutup: 3 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 400 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AB/25300
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG UJIAN KELENGKAPAN BAGI DALAM DAN LUAR MAKMAL UNTUK MAKMAL TANAH DAN KONKRIT, JABATAN KERJA RAYA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Disember, 1986.

Tarikh tutup: 15 Disember, 1986.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 401 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009136
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA TAHANAN LAMA BERAKAS (PERKHEMAHAN SERUSOP), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 1 November, 1986.

Tarikh tutup: 5 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 402 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/02400
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN PARIT UNTUK SATU (1) TAHUN DI PERUSAHAAN PADI KERAJAAN WASAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 1 November, 1986.

Tarikh tutup: 5 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 403 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AR426/2701
PEMBINAAN KOMPLEKS TEMPAT TINGGAL BAGI KOMPENI WANITA DI PERKHEMAHAN PENANJONG, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 November, 1986.

Tarikh tutup: 17 November, 1986.
Cagaran tawaran $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 404 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal Perabot sahaja untuk:

PROJEK No.: 84AB/171
MEMBUAT DAN MEMBEKAL PERABOT KELAS III BAGI TEMPOH LAPAN BELAS BULAN KEPADA JABATAN KERJA RAYA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 November, 1986.

Tarikh tutup: 10 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 405 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/00700
MEMBEKAL PILI BOMBA JENIS BERTIANG SERTA KELENGKAPANNYA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 8 November, 1986.

Tarikh tutup: 12 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 406 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/03200
PEMASANGAN PAIP AIR 200 MM GARIS PUSAT A.C. SEPANJANG JALAN BENGKURONG/MASIN, NEGARA BRUNEI DARUSSLAAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 8 November, 1986.

Tarikh tutup: 12 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 407 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD514/0100
PENGALIHAN SUNGAI BERIBI DI PERUMAHAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 8 November, 1986.

Tarikh tutup: 12 November, 1986.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL.: 11/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, tingkat empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Isnin 3 November, 1986 jam 12.00 tengah hari untuk menjalankan perkhidmatan kantin Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1½, Jalan Tutong.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan berlak (sealed) dan ditanda dengan perkataan "TAWARAN KANTIN SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI MASNA" tanpa menunjukkan indentiti pemborong.

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas, tidak akan dilayan.

4. Kiranya penerangan-penerangan lanjut ingin diperolehi, maka Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan atau Nazir Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Brunei dan Muara, bolehlah dihubungi pada bila-bila masa waktu pejabat.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN RANCANGAN
P 4A0060/86

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas 'A' atau 'B' yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan saluran-saluran. Kedudukan kabinet dan menanam 4 saluran pipe.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 November, 1986.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "PUSAT—JALAN KIANGGEH MENAMBAH 4 SALURAN PIPE DAN SALURAN BAGI CADANGAN KABINET 36".

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan. Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran $200.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Isnin 3 November, 1986 di Tingkat Bawah, Telephone House, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan.

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

### SURAT KUASA PESAKA
No. 176/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh A. Damit bin Mohammad @ A. Rosli, No. 5D, Lg. Limbungan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Nisbah binti Aman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 November, 1986 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 15 Oktober, 1986.

### No. 180/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hj Abdul Rahim bin Taha kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Hajjah Limah binti Md. Tahir yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 November, 1986, jam 10.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 15 Oktober, 1986.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR KB 57 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk:

PROJEK: REPAIR AND REPLACEMENT OF FENCE FOR CLASS 'E' AND CLASS 'F' JALAN BENDAHARI AND JALAN PENGLIMA, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 November, 1986.

Tarikh tutup: 19 November, 1986.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR KB 53 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: MENGGANTI ATAP, MEMBAIKI KEROSAKAN DAN MENCAT KESELURUHAN LUAR DAN DALAM BAGI 2 BLOK KELAS B (KINABALU TYPE) JKR NO.: 104 & 105 JALAN SERIA/KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 November, 1986.

Tarikh tutup: 12 November, 1986.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR KB 54 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: MENGGANTI ATAP, MEMBAIKI KEROSAKAN DAN MENCAT KESELURUHAN LUAR DAN DALAM BAGI 4 BLOK KELAS B (RAISE TYPE) JKR NO: 111, 112, 113 & 114 JALAN SERIA/KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 November, 1986.

Tarikh tutup: 12 November, 1986.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR KB 55 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: MENGGANTI KESELURUHAN ATAP MEMPERBAIKI SERTA MENCAT SEMULA LUAR DAN DALAM BAGI 2 BUAH BUNGALOW KELAS C JKR NO: 283 DAN 284 JALAN PENGLIMA KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 November, 1986.

Tarikh tutup: 12 November, 1986.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00.

## PERMBERITAHUAN TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN BAGI PUSAT BIMBINGAN DAN LATIHAN 1987/1988

1. PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka mengenai perkara di atas bagi perkhidmatan sepanjang tahun 1987 dan 1988.

2. Tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, di alamat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Isnin 10 November, 1986 jam 12.00 tengah hari dan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan ditulis dengan perkataan PEMBERITAHUAN TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN BAGI PUSAT LATIHAN DAN PEKERJAAN BAGI ORANG-ORANG CACAT DAN BUTA, JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

3. Wang cengkeram tawaran sebanyak $100.00 (seratus ringgit) hendaklah dibayar ke Bahagian Pentadbiran, Tingkat 3, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu bekerja biasa.

4. Keterangan lanjut dan borang-borang tawaran boleh didapati di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 3, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussa'am pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL.: 55/1986**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 November 1986 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

MARINE CARGO INSURANCE FOR GOVERNMENT RICE SHIPMENT FOR THE YEAR 1987.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL.: 56/1986**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 November 1986 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PENGANGKUTAN DAN PEMUNGGAHAN 1987 — MENGADAKAN KENDERAAN (TRAK) DAN BURUH BAGI MENGANGKUT, MEMUAT, MEMUNGGAH DAN MENYUSUN BARANG-BARANG KEPUNYAAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA UNTUK TEMPOH SETAHUN DARI 1 JANUARI 1987 HINGGA 31 DISEMBER, 1987.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 17 November, 1986 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

**TAWARAN BIL.: 57/1986**

GIBAULT JOINT, CAST IRON C/W RUBBER RINGS, BOLTS AND NUTS, CLASS 'C' TO B.S. 486/56, FOR USE WITH A.C. PIPES
Size: 6" — 1,500 Nos.

**TAWARAN BIL.: 58/1986**

Parang Bengkok, (Local) Cap '33' — 3,000 Nos.

**TAWARAN BIL.: 59/1986**

Parang Melayu 19" Panjang, Cap '33' — 4,000 Nos.

**TAWARAN BIL.: 60/1986**

BRUNEI STATE FLAG, MADE OF WOOLLEN MATERIAL IN YELLOW COLOUR SEWN WITH BRUNEI STATE CREST ON BOTH SIDE

(a) Size: 3' x 6' — 3,000 Nos.
(b) Size: 4' x 8' — 500 Nos.

**TAWARAN BIL.: 61/1986**

(a) Cangkul 'D', 3 lbs (HOE), 3' Brand: Crocodile — 2,000 Nos.
(b) Handle (Batang) for Cangkul 4' Long — 1,500 Nos.

**TAWARAN BIL.: 62/1986**

Broom Handle, Plastic Covered in Assorted Colours — 25,000 Nos.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bo'eh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/196/1986**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Bumiputera yang berdaftar akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 5 November, 1986 bagi kerja-kerja berikut: —

SUPPLY, DELIVERY ON SITE AND TOP-UP FUEL TANK OF DIESEL ENGINE GENERATOR AT KG. MENUNGGOL, BRUNEI FOR A PERIOD OF 12 MONTHS.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebu. adalah $100.00.

**BIL.: PPL/MTB/279/1986**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK TAMBAHAN STOR BAJA DAN STOR KIMIA UNTUK JABATAN PERTANIAN DI KAMPONG JERUDONG, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 5 November, 1986.

Cengkeram: $100.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/280/1986**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN BLOK PENTADBIRAN DI S.R.K. LAMUNIN, TUTONG.

Tarikh tutup: 12 November, 1986.

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/273/1986**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF FESTOON BC LAMP HOLDERS.

Tarikh tutup: 19 November, 1986.

Cagaran: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/274/1986**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF DECORATIVE MINIATURE LIGHTS.

Tarikh tutup: 19 November, 1986.

Cagaran: $100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/281/1986**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF EARTH ROD AND CONNECTOR CLAMPS.

Tarikh tutup: 19 November, 1986.

Cagaran: $100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/282/1986**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF CRIMP LUGS AND LINKS.

Tarikh tutup: 19 November, 1986.

Cagaran: $100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/283/1986**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF INDOOR TYPE OF GLANDS FOR USE ON PVC INSULATED AND XLPE INSULATED CABLES.

Tarikh tutup: 26 November, 1986.

Cengkeram: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

## Rancangan Persahabatan Abad 21

# ERATKAN HUBUNGAN KERJASAMA DI KALANGAN BELIA

Oleh Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Osman bin Begawan PSRK Dato Setia Haji Mohd. Tamin berkata, lebih banyak perbincangan terbuka diadakan sesama peserta mengikuti Rancangan Persahabatan Abad 21. Rancangan ini berlangsung di Jepun selama satu bulan bermula 7 September lepas.

Seramai 10 orang belia dari negara kita mengikuti rancangan ini. Rancangan ini dibiayai oleh Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA — Japan International Cooperation Agency). Mereka ini setengahnya mewakili Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam dan Majlis Wanita.

Menurut Awang Osman, wakil MBB, rancangan ini bertujuan bagi mengeratkan hubungan kerjasama di kalangan belia di samping sumbangan yang dapat diberikan oleh belia dalam pembangunan negara masing-masing .

Kegiatan rancangan ini mengandungi antaranya, bagi menyelaraskan serta meningkatkan kerjasama kepada ahli-ahli persatuan yang bergabung. Ia juga melibatkan pertukaran penerangan dan maklum balas antara Pertubuhan Belia Jepun dengan persatuan-persatuan di luar Jepun.

Majlis Belia-Belia (MBB) telah diwakili oleh Awang Osman, Haji Jabidi bin Haji Abd. Wahid, Haji Hassan bin Bakar, Awang Mahali bin Momin dan Pengiran Hassan bin Pengiran Haji Zainal. Manakala Dayang Saadiah binti Bangkol, Mariam binti Haji Koya, dan Dayang Suriati binti Haji Mohd. Saji mewakili pertubuhan lain. Lain-lain perwakilan ialah Pg. Hj. Tuah bin Pg. Md. Daud.

### ERATKAN HUBUNGAN

Awang Osman dari Persatuan Sumbiling berkata, rancangan ini telah berjaya mengukuhkan serta mengeratkan hubungan dua hala antara belia negara kita dengan Jepun di samping terjalin hubungan persahabatan untuk jangka panjang.

Rancangan ini juga menerapkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain.

Negara kita menyertai rancangan ini sejak tahun 1984. Ini kali ketiga kita menyertainya, kata Awang Osman ketika ditemubual oleh wakil Pelita Brunei.

Apabila ditanya tentang pengalaman semasa di Jepun, Awang Osman berkata, syarahan-syarahan mengenai rangan kegiatan ekonomi dan sosio-politik negara itu cukup menarik untuk kita pelajari.

Syarahan-syarahan ini banyak mendedahkan kita kepada corak kebudayaan dan pembangunan negara Jepun. Di samping itu rombongan belia kita juga dibawa melawat-lawat ke tempat bersejarah. Lawatan juga diadakan ke Imperial Palace (Istana Imperial).

Kata Awang Osman, mereka juga telah berpeluang berkenal-kenalan serta bertukar fikiran dengan anggota Persekutuan Majlis Belia Kebangsaan Jepun yang mana perbincangan berkisar di segi kegiatan belia secara menyeluruh dan lain-lain lagi. Seramai 20 orang belia dari negara kita dan Jepun berbual dalam perbincangan itu.

Menceritakan pengalaman sewaktu dijadikan anak angkat di sana Awang Osman berkata, kita telah dapat memperkenalkan kepada mereka corak masakan kita seperti nasi goreng, telur goreng. Di samping itu kita juga sempat menyediakan cucur ubi.

"Nasi goreng dan cucur ubi ini belum pernah mereka rasa," kata Awang Osman.

Kesempatan menjadi anak angkat ini juga dipergunakan bagi memberi penerangan serba ringkas mengenai negara kita kepada mereka, kata Awang Osman.

"Masyarakat Jepun tidak khuatir tentang keselamatan kerana kita nampak mereka tidak mengunci pintu rumah ketika keluar. Pintu itu hanya ditutup saja," kata Awang Osman yang begitu menghargai sikap keluarga angkatnya.

### HUBUNGAN MESRA

Haji Jabidi bin Haji Abd. Wahid, Penolong Setiausaha Agung Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam menjelaskan rancangan ini bukan saja dapat mengeratkan hubungan belia-belia Brunei dengan Jepun bahkan telah menjalin hubungan mesra antara rakyat dan negara kedua belah pihak.

Selain dari itu katanya, rancangan ini juga mendedahkan para pemimpin belia khususnya belia negara kita terhadap kebudayaan sosio ekonomi dan cara hidup masyarakat Jepun yang begitu menghormati orang luar.

"Dari perbincangan dengan para pemimpin belia Jepun, kita dapat menimba serba sedikit pengalaman bagi menyiapkan diri menjadi belia yang berguna kepada bangsa dan negara," kata Haji Jabidi ketika ditemubual oleh wakil Pelita Brunei.

Ditanya mengenai pengalaman ketika menjadi anak angkat, Haji Jabidi menjelaskan dia menerima layanan yang baik dari keluarga angkatnya, pengalaman yang tak mudah dilupakan.

"Saya turut bersama mereka turun ke ladang gandum, sawah padi dan ladang ternakan sapi kepunyaan mereka. Di samping dibawa melawat ke tempat-tempat yang menarik dan bersejarah," kata Haji Jabidi.

Rancangan ini dapat memupuk persahabatan antara belia Brunei dengan Jepun, katanya, sesuai dengan matlamat rancangan ini ke arah menuju Abad 21 yang berterusan keamanan.

Dengan keamanan, menurut Haji Jabidi, segala yang dirancangkan untuk kebaikan manusia sejagat dapat dilaksanakan.

### KEMAJUAN

Haji Hassan bin Bakar, Yang Dipertua Persatuan GEMA (Gerakan Masyarakat Kuala Belait) gembira kerana dapat melawat Negara Jepun sebuah negara yang maju di bidang teknologi. Ia juga gembira apabila terpilih menyertai rancangan ini.

Menurut Haji Hassan, dia bukan saja kagum melihat kemajuan perindustrian negara itu, tetapi juga kagum melihat kehidupan orang Jepun di mana belianya begitu berdisiplin, menghargai masa, harta benda kerajaan dan sebagainya.

"Orang Jepun suka membaca buku di mana sahaja mereka berada, berdisiplin dan tidak merosakkan harta benda kerajaan, rajin berusaha tidak memilih kerja serta berlumba-lumba mengejar masa," jelasnya.

Sikap ini yang akan kita salurkan kepada belia-belia kita dari sekarang supaya penyakit masyarakat yang suka merosakkan harta benda awam dan sebagainya tidak akan merebak sampai kepada generasi yang akan datang, sambung Haji Hassan.




PERWAKILAN belia-belia kita bergambar ramai dengan belia-belia Negeri Jepun di Iwate. — Gambar ihsan Haji Jabidi Wahid.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abd. Aziz telah berkenan membuka rasmi Kejohanan Bulu Tangkis Wanita Piala Sultan Hassanal Bolkiah yang telah dilangsungkan di Pusat Belia pada 29 Ogos yang lalu.

Perlawanan di bawah naungan Duli Yang Teramat Mulia itu adalah julung-julung kalinya dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan bagi merebut Piala Sultan Hassanal Bolkiah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut hari keputeraan Baginda ke-40 tahun.

Kejohanan ini juga bertujuan untuk menggalakkan kaum wanita supaya rajin bersukan demi kesihatan dan kesejahteraan di samping merapatkan dan mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan kaum wanita di semua peringkat.

Sebanyak 14 buah pasukan menyertai kejohanan tersebut.

Gambar atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Pg. Isteri Hajjah Mariam diperkenalkan kepada pengurus-pengurus pasukan yang mengambil bahagian. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



# BELIA & SUKAN

## Kejohanan bola sepak belia 16 tahun ke bawah

BAGI meningkatkan lagi mutu permainan bola sepak di negara ini satu kejohanan liga bola sepak belia 16 tahun kebawah akan diadakan.

Kejohanan yang julung-julung kalinya dianjurkan itu adalah bagi penduduk-penduduk Mukim Saba, Kampong Ujong Kelinik dan Kampong Sungai Siamas.

Keterangan lanjut serta borang-borang penyertaan boleh didapati sekarang daripada Awang Haji Suhaili bin Haji Ahmad, Kampong Saba Tengah dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 30 Oktober depan.

Bayaran masuk bagi satu-satu pasukan ialah $55.00 sahaja.

## MESYUARAT AGUNG RUSILA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rumpun Seni Lakon Negara (RUSILA) akan mengadakan Mesyuarat Agung kali keempat pada 1 dan 2 November 1986. Mesyuarat tersebut akan diadakan di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Pada 1 November tersebut akan diadakan Majlis Perasmian sementara pada sebelah malamnya RUSILA akan memilih 'Bintang Rusila'. Manakala pada 2 November Mesyuarat Agung Rusila diteruskan.

Antara agenda yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu nanti termasuklah membincangkan projek Kompleks Rusila, pesta budaya dan mingguan kesenian Asean serta memilih jawatankuasa baru.

Ahli Rusila yang ingin menyertai 'Bintang Rusila' diminta hadir untuk menjalani latihan dan pemilihan di Dewan Kegiatan Akli Pusar Ulak pada 31 Oktober 1986 jam 2.00 petang.

## KEJOHANAN SQUASH TERTUTUP

PERSATUAN Squash Rackets Brunei akan mengadakan perlawanan squash tertutup yang akan dilangsungkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bermula pada 31 Oktober depan.

Menurut jurucakap persatuan ini sejauh ini seramai 60 orang telahpun mendaftarkan diri untuk memasuki perlawanan tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika menerima mengadap Puan Benjamin Domingo di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Abdullah Awang Damit.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menerima penerangan dari Dayang Nilufer Dobra, Yang Dipertua Syarikat Antarabangsa Devisco, New York, Amerika berkenaan salah sebuah kraftangan yang dibuat oleh orang-orang Islam Turki. - Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Dari muka 1

Kemudiannya Tuan Yang Terutama bertugas di Yaounde (Cameroon), Brazil dan Lisbon (Portugal).

Sebelum dilantik selaku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama pernah menyandang jawatan selaku Konsular semenjak tahun 1982.

Pada tahun 1980, TYT bertugas selaku Ketua Jabatan Penerangan di Pejabat Hal-Ehwal Luar Negeri dan Komanwel. Dalam tahun 1982 TYT bertugas sebagai Timbalan Ketua kepada Jabatan Kepulauan Falkland.

Semasa menjawat jawatan selaku Pegawai Kanan dalam Lembaga Merinyu seberang laut di Pejabat Luar Negeri dan Komanwel pada tahun 1984, TYT pernah melawat Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menerima mengadap Duta Besar Filipina ke Negara Brunei Darussalam, TYT Benjamin Domingo yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya pada akhir bulan ini.

Di Istiadat yang berasingan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Benjamin.

Dari muka 1

puchea yang bersedia menandatangani perjanjian perdamaian dengan Vietnam dan mewujudkan hubungan dagang dan ekonomi dua hala.

Cadangan-cadangan ini tambah meyakinkan ASEAN, kata Tuan Yang Terutama Awang Ahmad, betapa masalah Kampuchea perlu diselesaikan oleh rakyat Kampuchea sendiri.

"Kesediaan menerima cadangan-cadangan ini bukan sahaja mengekalkan kemerdekaan Kampuchea malah keselamatan Vietnam sendiri terjamin," katanya.

## RAMALAN CUACA
**←-- minggu ini --→**

KEADAAN cuaca tidak menentu akan melanda Brunei Darussalam pada kebanyakan masa minggu ini. Hujan atau ribut petir akan berlaku di kebanyakan kawasan pada lewat petang dan awal malam dan menuju ke kawasan pantai pada keseluruhan malam.

## JADUAL AIR PASANG DAN SURUT

| Tarikh | Air Pasang Penuh (jam) | Paras Air (meter) | Air Surut Penuh (jam) | Paras Air (meter) |
|---|---|---|---|---|
| 29 Okt. | 0700 | 1.7 | 0443 | 1.5 |
| | 2304 | 1.6 | 1504 | 0.7 |
| 30 Okt. | 0902 | 1.7 | 1313 | 1.3 |
| | 2337 | 1.7 | 1541 | 0.7 |
| 31 Okt. | 1012 | 1.7 | 1358 | 1.1 |
| | 2246 | 1.8 | 1614 | 0.9 |
| 1 Nov. | 1116 | 1.7 | 1442 | 0.9 |
| | 2305 | 1.9 | 1644 | 1.0 |
| 2 Nov. | 1220 | 1.7 | 1527 | 0.7 |
| | 2328 | 2.7 | 1711 | 1.2 |
| 3 Nov. | 1329 | 1.6 | 0614 | 0.5 |
| | 2352 | 2.2 | 1733 | 1.3 |
| 4 Nov. | 1520 | 1.5 | 0703 | 0.3 |
| | 0017 | 2.3 | 1744 | 1.4 |

Jadual ini adalah bagi Pelabuhan Muara. Bagi Bandar Seri Begawan waktu-waktu air pasang seperti yang tertara di atas hendaklah dicampur 45 minit dan bagi air surut dicampur 30 minit. Sementara bagi Daerah Tutong waktu air pasang hendaklah ditolak 45 minit dan air surut ditolak 30 minit. Manakala bagi Daerah Belait waktu air pasang hendaklah ditolak 60 minit dan air surut ditolak 30 minit.

WALLAHUAKLAM.

# Pameran Kesenian dan Kebudayaan Islam

Oleh Zubaidah HS

KOTA BATU. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz telah berkenan berangkat merasmikan Pameran Kebudayaan dan Kesenian Islam dan Turki yang berlangsung di Dewan Pameran Muzium di sini pada 23 Oktober lepas.

Pameran Kebudayaan dan Kesenian Islam dan Turki ini julung-julung kali diadakan di negara kita. Ia dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dengan kerjasama sebuah Syarikat Antarabangsa Devisco di New York, Amerika Syarikat.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Yang Dipertua syarikat antarabangsa tersebut Dayang Nilufer Dobra dan Duta Turki ke Malaysia dan Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama, Tuan Akgun Han Kiciman.

Berangkat sama bagi menyaksikan pameran tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna.

Memandangkan kepada kebudayaan dan kesenian negara kita hampir sama dengan kebudayaan orang-orang Islam Turki telah mendorong Dayang Nilufer Dobra menganjurkan pameran ini dengan cara mengadakan dan mempamerkan kesenian dan kebudayaan serta kraftangan Islam dan negaranya.

Hampir 250 barang-barang telah dipamerkan oleh syarikat tersebut. Termasuklah Quran dan seni khat yang dibuat dengan tangan oleh orang-orang Islam Turki. Corak sulam-sulaman, barang-barang perhiasan daripada perak, emas dan berlian. Juga lukisan-lukisan yang menggambarkan kehidupan masyarakat Islam Turki di zaman lalu. Kelengkapan-kelengkapan senjata dan baju besi semasa perang juga menarik perhatian.

Negara kita dan Turki adalah dua negara yang mempunyai kebudayaan dan ugama yang sama dan telah pernah menempah keagungan Islam di rantau masing-masing. Langkah seumpama ini adalah wajar dipraktikkan oleh negara-negara Islam bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim semua umat Islam di dunia.

Menurut pihak penganjur, pameran tersebut dibukakan untuk kunjungan orang ramai terutama bagi penuntut-penuntut sekolah dan penggemar serta pencinta sejarah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap serta menerima surat perlantikan Tuan Yang Terutama Tuan Rashid bin Ali bin Rashid Al-Khambashi, selaku Kuasa Usaha Kedutaan Besar Kesultanan Oman ke negara ini.

Istiadat tersebut berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam pada 25 Oktober lepas.

Gambar atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Rashid. — Gambar oleh Rabaee Haji Sabli.

# Tinggikan prestasi penggambaran

Dari muka 9

mutu demi untuk meninggikan lagi prestasi penggambaran dan untuk memperlihatkan daya kreatif dalam fotografi.

Di samping itu ianya juga bertujuan untuk memperlihatkan kebolehan dalam pengendalian daya imaginasi foto serta memperlihatkan kebolehan mengambil gambar-gambar dalam unsur-unsur 'photo-journalism' iaitu media letronik dan cetak.

Peserta-peserta kursus terdiri daripada jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Pusat Latihan Perjawatan, Muzium-Muzium Brunei, Pusat Sejarah, Jabatan Pelajaran dan dari Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kursus tersebut adalah anjuran bersama Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Unit Latihan Perjawatan. Seramai tujuh orang penceramah dari beberapa buah jabatan Kerajaan termasuk seorang penceramah dari sektor swasta diundang bagi mengendalikan kursus selama dua minggu itu.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam